

Bil. 81

**Selasa
17 Disember 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1996 (Ruangan 12)

Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1996 (Ruangan 41)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji-Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

Yang Berhormat	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin RAja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
“	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
“	Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N.,
P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
“	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
“	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
“	Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
- Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWANRAKYAT

Selasa, 17 Disember, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**PEJABAT AGAMA ISLAM NEGERI-
PENYELARASAN PENGURUSAN DAN
PENTADBIRAN**

1. **Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pihak kerajaan akan menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-pejabat Agama Negeri di bawah pentadbiran Pusat demi untuk memperkemaskan dan mempertingkatkan syiar Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pengurusan dan pentadbiran Pejabat-pejabat Agama Islam negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, untuk memperkemaskan dan mempertingkatkan syiar Islam di negara ini, Kerajaan Pusat sedang berusaha untuk memperbaiki jentera pentadbiran hal ehwal agama Islam.

Untuk tujuan itu, Kerajaan Pusat telah bersetuju supaya perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam dijadikan sebagai perkhidmatan bersama seluruh Malaysia. Di samping itu juga, Kerajaan Pusat telah bersetuju supaya sistem pengurusan kehakiman syarie dan Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia ditingkatkan dengan menubuhkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia serta mewujudkan perkhidmatan gunasama pegawai syariah seluruh Malaysia.

Perlaksanaan kepada cadangan-cadangan yang telah dipersetujui itu, sedang diuruskan oleh agensi-agensi berkaitan dan akan dilaksanakan pada tahun 1997 iaitu setelah mendapat persetujuan dari kerajaan-kerajaan negeri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua,

kita dapati banyak rungutan iaitu tentang perjalanan Mahkamah Syariah ini, agak lembab, lambat dan tidak bermaya untuk berfungsi dengan lebih aktif. Sebenarnya, apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh pihak kementerian untuk menyelaraskan? Adakah halangan daripada pihak negeri ataupun kakitangan yang tidak mencukupi ataupun peruntukan yang tidak mencukupi bagi kita selaraskan sistem pentadbiran agama ini, supaya negara kita sebagai sebuah negara Islam akan menjadi contoh kepada negara lain dari segi pentadbiran keagamaannya. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak nafikan bahawa kadangkala terdapat beberapa hal yang berlaku di Mahkamah Syariah di seluruh negara. Walaupun kita cuba untuk mengatasinya dengan sebaik mungkin, tetapi masalah-masalah tersebut masih berlaku. Sebab itulah Kerajaan Persekutuan telah mengambil tindakan sebagaimana saya nyatakan perkara-perkara di atas kerana berdasarkan hal-hal yang berkaitan kerana kelewatan dan pelbagai masalah.

Dari segi kerajaan negeri, alhamdulillah, bolehlah dikatakan keseluruhan kerajaan negeri memberikan kerjasama. Kerana kita memikirkan perkara ini mesti mendapat kerjasama bagi menentukan perkara-perkara yang berkaitan hal-hal Islam ini berjalan dengan baik di negara kita.

Sebagaimana kakitangan juga, apabila kita mendapat kelulusan perjawatan untuk menempatkan pegawai-pegawai seperti jawatan Pegawai Hal Ehwal Agama Islam, jawatan gunasama, kita akan mengambil kakitangan ini bagi menempatkan mereka ke tempat-tempat yang ditentukan.

Masalah kewangan, memang kita sentiasa memohon kepada Kementerian Kewangan bagi menentukan apa-apa perancangan yang kita buat itu berjalan dengan baik. Insya-Allah, kalau perkara-perkara ini dapat berjalan dengan baik, saya percaya kita boleh mengatasi sekurang-kurangnya sedikit sebanyak masalah yang kita hadapi sekarang.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - maaf, Setiausaha Parlimen, sudah naik sedikit pangkat dia.

Adakah beliau sedar ataupun adakah Pejabat-pejabat Kadi di seluruh negara ini sama seperti, bukan saya mengalami tetapi dilaporkan, saya telah diberitahu untuk membangkitkan perkara ini,

Pejabat Kadi terutama sekali di Hulu Langat, masalah masyarakat di situ hendak mendaftarkan perkahwinan pun terlampau susah dan menyusahkan rakyat. Jadi, saya ingin tahu apakah syarat-syarat apabila satu keluarga ini, waris atau ibu bapa hendak mendaftarkan anak mereka kahwin, jadi adakah mesti kena tunggu Kadi baru boleh daftar, tidak boleh daftar kepada kerani ataupun kuasa-kuasa yang diperturunkan oleh Kadi di Pejabat-pejabat Kadi itu?

Sebab saya mendapat tahu bahawa Pejabat-pejabat Kadi ini, terutama sekali yang saya sebutkan tadi amat menyusahkan masyarakat hingga setengah itu merajuk, tulis di Pejabat Kadi itu macam-macam. Jadi, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, saya takut kalau Pejabat Kadi lain pun macam itu, akan menjadi masalah kepada masyarakat kita. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang Islam untuk mendaftar perkahwinan, sepatutnya kita memberikan satu layanan yang paling mudah, kerana perkara ini kalau kita membuat susah akan melibatkan orang ramai dan mereka mengatakan bahawa bukan sahaja pegawai itu bekerja tidak cekap, mereka mungkin mengatakan bahawa Islam itu seolah-olah tidak begitu menggalakkan kita berkahwin. Ini sepatutnya tidak berlaku. Sememangnya kalau kerja yang kita buat merupakan kerja harian, sepatutnya kita boleh memberi kuasa kepada sesiapa pegawai di bawah kita, kalaulah setakat hendak mendaftar nama, di mana tinggal, apakah tujuan, siapa nama, apa perlu kepada kadi? Kecualilah kalau kadi itu hendak membuat soalan-soalan lain yang orang lain tidak mampu. Pada saya mungkin masalah yang dihadapi oleh perseorangan itu, sebab itulah ramai orang tidak suka kepada beliau. Saya percaya kadi-kadi lain setakat ini mereka mungkin menjalankan kerja mereka dengan baik, saya mengharapkan kadi yang terlibat di Hulu Langat supaya mengambil ingatan di atas perkara ini dan jangan menyusahkan perkara yang senang.

ARTISTEMPATAN DIMEDIA ELEKTRONIK DAN MEDIA CETAK - PENAMPILAN

2. Puan Seripah Noli bin Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Penerangan menyatakan kriteria etika bagi penampilan artis tempatan yang semakin berani memberikan penampilan yang melampaui batas kesopanan Timur di media elektronik mahupun di media cetak. Apakah tindakan pihak kementerian dalam menangani masalah pengawalan tingka laku sebahagian artis ini yang sering dijadikan "role

model" oleh para remaja negara ini dan peranan yang telah dimainkan oleh pihak kementerian dalam menangani permasalahan penggunaan Bahasa Melayu secara 'rojak' dan mencemarkan bahasa yang semakin berleluasa di kalangan sebahagian personaliti terkenal di rancangan televisyen dan radio tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, kriteria penampilan artis dalam media elektronik terkandung di dalam garis panduan yang antara lain menetapkan peraturan pakaian, dandan, gerak-geri, tutur kata, tata laku dan sebagainya. Artis yang disabitkan kesalahan kerana melanggar peraturan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Penyiaran termasuk peraturan lain yang berkaitan dengannya dikenakan tindakan dengan menggantung mereka daripada semua siaran rancangan di dalam radio dan televisyen. Artis yang terlibat dengan rancangan-rancangan terbitan RTM bukan sahaja perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Penyiaran malah diberi khidmat nasihat supaya sentiasa menjaga tata laku semasa persembahan demi untuk menjaga nama baik dan imej mereka.

Bahasa yang digunakan di dalam beberapa rancangan, kecuali Berita, forum dan sebagainya adalah bahasa yang lazimnya dituturkan oleh sebahagian besar rakyat di negara ini. Bagaimanapun kementerian ini sentiasa prihatin terhadap masalah penggunaan bahasa yang bercampur-aduk dan berusaha memperbaikinya dari semasa ke semasa.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang benarlah kata Tuan Yang Berhormat itu banyak persoalan mengatakan perkataan-perkataan seperti apa yang dikatakan 'rock language' misalnya 'pi la lu' digunakan dalam radio dan televisyen. Tetapi masalahnya satu sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu soalan saya, nampaknya industri perfileman dan industri hiburan ini dibuat sebagai anak kesayangan kepada kementerian, dengan membuat exposure begitu banyak dalam televisyen secara menyeluruh dan banyak sangat advertisement lebih daripada industri-industri lain. Jadi, soalan saya kenapakah kita tidak boleh mengikut seperti negara-negara lain yang mana pendedahan kepada perwatakan, perangai, budi pekerti, filem dan sebagainya itu dikurangkan sedikit. Kalau ada pun biarlah diperbaiki sedikit. Negara jiran kita seperti Singapura, Filipina, Bangkok dan sebagainya tidak mendedah begitu

banyak sangat, jadi kenapa kita buat begitu? Itu sahaja soalan saya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar iaitu mengenai dengan perkara yang beliau sebutkan tadi, bahawa hiburan dan entertainment ini adalah merupakan kesayangan dan tumpuan kita. Sebetulnya seperti yang saya nyatakan pada minggu yang sudah bahawa penekanan kita pada saat ini ialah kita hendakkan stesen penyiaran yang ada pada hari ini ialah sebagai satu badan atau agensi untuk membuat satu reformasi, di mana kita hendak menekankan betapa pentingnya maklumat dan pendidikan kepada masyarakat kita, bukan hanya hiburan yang kita hendak tekankan atau hendak beri tumpuan keutamaan, itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab di mana pihak kementerian hendak menyelaraskan cita rasa masyarakat kita yang memerlukan hiburan sedikit daripada kehidupan mereka setiap hari.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih menerima banyak aduan dari penonton kaum Cina kerana banyak soap opera atau TV series dibuat secara tempatan masih menggunakan bahasa Kantonis. Jadi, bolehkah kementerian memberi satu dasar atau mengkaji semula semua program TV series cina yang diimport dari luar negeri atau dibuat di dalam negara kita semuanya menggunakan bahasa Mandarin?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sibit tadi iaitu mengenai penggunaan bahasa Mandarin, kita telah nyatakan bahawa kerajaan dan Kementerian Penerangan pada hari ini mempunyai pendekatan untuk memenuhi selera, bukan semua masyarakat Cina faham penggunaan bahasa Mandarin. Ada setengah-setengah masyarakat Cina faham bertutur dalam bahasa Hokkien dan Kantonis seperti di kawasan saya sendiri di Bahagian Semporna. Maka adalah penting bagi kita untuk mendedahkan masyarakat-masyarakat Cina ini yang fasih dalam bahasa yang lain atau loghat yang lain agar tidak ketinggalan dalam perubahan yang ada di dalam negara kita ini.

SABAH BANK BERHAD - SEBAB PENJUALAN SEBELUM DISENARAikan

3. Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran] minta Menteri Kewangan menyatakan sebab mengapa pihak Bank Negara telah membiarkan

Sabah Bank Berhad dijual kepada beberapa buah syarikat sebelum disenaraikan dalam BSKL walaupun ia layak disenaraikan terus dan siapakah pemilik terbesar saham-saham dalam syarikat-syarikat yang kini pemegang saham dalam Sabah Bank Berhad.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambil kira pelbagai faktor termasuk hasrat Kerajaan Negeri Sabah, yang merupakan pemegang ekuiti terbesar sekali Sabah Bank Berhad, Suria Capital Holdings Berhad (SCHB), yang dahulunya dikenali sebagai Taman Perusahaan Berat Holdings Berhad (TPB) telah diberi kelulusan menurut Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 untuk memperolehi keseluruhan ekuiti Sabah Bank Berhad yang menjadi anak syarikat milik penuh SCHB. Dan SCHB telah pun disenaraikan pada 25hb. November, 1996 di BSKL.

Kerajaan Negeri Sabah selaku pemegang saham SCHB yang terbesar kekal sebagai pemilik majoriti sebenar saham Sabah Bank Berhad, selaras dengan hasratnya untuk memperolehi kepentingan yang besar dalam sebuah syarikat yang disenaraikan di BSKL tanpa kehilangan kawalannya ke atas Sabah Bank Berhad.

Mengenai soalan mengapa dijual sebelum disenaraikan, ini berasaskan kepada kepentingan perniagaan, ini adalah satu, dengan izin, business deal.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa dengan mengambil kira aset, liabiliti dan prestasi keuntungan Sabah Bank Berhad, beberapa tahun kebelakangan, nilai saham sebenar Sabah Bank Berhad yang dipegang bersama oleh kerajaan negeri dan juga Bank Negara, jika disenaraikan terus di BSKL tanpa melalui Suria Capital ialah tidak kurang daripada RM3.00; sedangkan nilai Suria Capital ialah lebih kurang RM1.50 sahaja waktu ia disenaraikan.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Sabah dengan skim yang dilakukan sedemikian ialah untuk memaximisekan atau memperbanyakkan keuntungan, tetapi dari bayangan seperti yang saya katakan tadi, sebenarnya negeri Sabah dan juga.....

Seorang Ahli: Soalan! Soalan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Bank Negara telah kehilangan dari segi keuntungan, jadi apakah rasional

Seorang Ahli: Panjangnya!

Tuan Yunof Edward Marinking: ...sebenarnya, nilai Sabah Bank...

Seorang Ahli: Panjang sangat tu bah!

Seorang Ahli: Soalan! Soalan!

Tuan Yunof Edward Marinking: Inilah soalan. Apakah rasional sebenarnya Bank Negara tidak mengekalkan nilai RM3.00 itu tidak disenaraikan di BSKL?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebutkan bahawa syarikat ataupun SBB itu disenaraikan untuk tujuan memaksimumkan keuntungan. Saya cuma sebutkan ini adalah bergantung kepada keputusan ataupun hasrat kerajaan Sabah untuk memperolehi sesebuah syarikat yang boleh disenaraikan di BSKL.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada keputusan untuk menjualkan Sabah Bank adalah memenuhi hasrat kerajaan untuk mencantum dan mengambil alih semua bank di Malaysia supaya Bank Negara boleh mencapai hasrat mempunyai bank-bank yang berdaya saing dan dapat memberikan perkhidmatan yang baik menjelang perdagangan terbuka pada tahun 2005 kerana penjualan ini tidak akan menubuhkan satu konsortium bank yang besar seperti mana yang dihasratkan oleh Bank Negara. Sekian.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, skim untuk menubuhkan bank-bank yang mempunyai daya saing supaya dapat menubuhkan bank-bank yang berkemampuan untuk bersaing dalam dunia pasaran adalah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Ini merupakan tindakan seperti yang dijalankan untuk Bank Sabah ini merupakan salah satu tindakan untuk mencapai tujuan itu.

BOSNIA SELEPAS PILIHAN RAYA - BANTUAN KEWANGAN ATAU KETENTERAAN MALAYSIA

4. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bantuan dari segi kewangan atau ketenteraan yang akan diberi oleh Malaysia kepada Bosnia selepas pilihan raya di negara itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Bosnia Herzegovina telah mengadakan pilihan raya pada bulan September yang lalu dan

berikutan dengan keputusan pilihan raya tersebut satu kerajaan baru telah ditubuhkan yang memberi tumpuan kepada pemulihan politik, ekonomi dan pembangunan Bosnia Herzegovina.

Memandangkan negara tersebut masih memerlukan bantuan antarabangsa untuk melatih ketenteraannya serta menolong menjamin kestabilan keselamatannya, Malaysia bersama kebanyakan tentera di bawah program I-FOR yang lalu telah bersetuju untuk meneruskan penempatan tenteranya dengan bilangan yang berpatutan.

Pada masa yang sama Malaysia juga telah mengambil bahagian di dalam program US Train and Equip dengan menyumbangkan sebanyak US\$10 juta. Program ini telah pun bermula di mana alat-alat senjata pertahanan telah dihantar ke Bosnia Herzegovina oleh kerajaan Amerika Syarikat pada 21hb. November yang lalu.

Dari segi kerjasama dua hala pula Malaysia sedang berbincang dengan pihak Bosnia Herzegovina untuk melatih tentera mereka. Latihan akan bermula sebaik sahaja perjanjian dua hala pertahanan ditandatangani. Seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Malaysia telah memberi sumbangan kewangan sebanyak US\$12 juta kepada Bosnia Herzegovina untuk program pemulihannya. Setakat ini sejumlah US\$6.2 juta telah pun diguna untuk projek-projek industri kecil.

Sumbangan ini tidak termasuk bantuan yang kita beri kepada kerajaan tersebut untuk memulihkan penerbangan awam mereka. Dalam hal ini Malaysia akan menghantar beberapa pegawai penerbangan awamnya ke Bosnia Herzegovina bagi memulihkan pengawalan trafik negara mereka. Selain daripada itu, kerajaan Malaysia masih mengkaji permintaan-permintaan tambahan yang dibuat oleh pertubuhan antarabangsa dan kerajaan Bosnia bagi menjayakan program pemulihan ekonominya.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Adakah satu auditan atau penyelidikan yang telah dibuat dan apakah pandangan dan reaksi dunia luar terhadap Malaysia dan penglibatan Malaysia khususnya dunia Barat dan dunia Islam?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa peranan kita dalam menyertai pemulihan negara Bosnia dan Herzegovina dan peranan kita telah pun diterima oleh negara-negara antarabangsa dan Malaysia adalah satunya negara dari Asia yang telah dijemput sebagai ahli dalam dua, tiga forum

yang sentiasa mengkajikan pembangunan ekonomi dan pemulihan politik dan kestabilan di kawasan Balkan itu. Termasuk dalam bidang di peringkat OIC, Malaysia adalah juga menjadi teras dalam menjalankan mobilization group yang pada peringkat awal dahulu.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari bantuan dari segi kewangan atau ketenteraan, adakah kerajaan bercadang memberikan bantuan teknikal atau latihan pengurusan contohnya menyediakan tempat latihan di INTAN setelah negara itu kembali aman? Jika ada, apakah bidang-bidang yang telah dikenal pasti dan bila program ini akan dilaksanakan? Sekian, Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya negara Bosnia Herzegovina ini, bukannya sebuah negara yang kurang maju dari segi teknologinya dan juga perindustriannya tetapi mereka perlu bantuan untuk pemulihan berikutan dari kemusnahan oleh peperangan di wilayah itu.

Tetapi sebenarnya kita memang berusaha untuk memberi bantuan dari segi menghantarkan dalam bidang kewangan atau banking dan juga perindustrian secara terbuka kerana sistem mereka dahulu adalah sistem yang tertutup. Walaupun dari segi itu kita cuba juga menggalakkan pihak-pihak swasta kita bekerjasama dengan pihak di negara itu untuk membangunkan ekonomi kerana walaupun keperluan mereka tidak begitu besar tetapi usaha-usaha yang teratur untuk menghadapi persaingan yang luar biasa untuk mereka dengan sistem baru dalam sistem ekonomi dan juga pemindahan ini.

KEMUDAHAN PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN JABATAN PERSEKUTUAN DI DAERAH

5. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai dengan kakitangan jabatan-jabatan persekutuan yang bertugas di daerah-daerah yang tidak mempunyai kemudahan perumahan yang mencukupi:-

- (a) adakah Jabatan Perdana Menteri sedar tentang masalah perumahan yang dihadapi oleh kakitangan Persekutuan yang bertugas di luar bandar sama ada mereka yang berasal dari Sabah atau Semenanjung; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang membina perumahan berkelompok menampung semua kategori kakitangan di peringkat

daerah seperti yang diamalkan oleh pasukan berpakaian seragam (ATM/PDRM/Penjara).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar masalah yang dihadapi oleh semua kakitangan Persekutuan yang bertugas di bandar ataupun bertugas di luar bandar. Oleh sebab itulah baru-baru ini kerajaan telah bersetuju untuk membayar imbuhan tetap perumahan kepada semua kakitangan mulai 1hb. Julai, 1996.

Dengan pemberian tersebut kerajaan berharap dapat meringankan bebanan menyewa rumah kepada semua kakitangan awam di seluruh negara. Kerajaan tidak bercadang membina perumahan kelompok bagi menampung semua kategori kakitangan awam di peringkat daerah. Bagaimanapun bagi jawatan-jawatan perlu di bawah sesuatu jabatan Persekutuan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM974.6 juta bagi tahun 1997 bagi program perumahan kakitangan awam meliputi projek perumahan awam Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, rumah kakitangan Imigresen, Kastam, Penjara, rumah-rumah guru desa dan bantuan pinjaman kepada kerajaan negeri untuk Program Perumahan Kos Rendah.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini apakah kerajaan membuat kajian tentang keperluan perumahan di luar-luar bandar ini kerana apa yang kita tahu walaupun elaun perumahan diberikan tetapi tidak ada rumah yang sesuai untuk disewa khususnya di luar bandar. Apakah kerajaan mengkaji semula akan keperluan ini walaupun tidak ada cadangan untuk membina pada masa ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi mengatakan tidak semua akan diberi rumah kerajaan tetapi bagi jawatan-jawatan perlu dan bagi kawasan-kawasan yang memerlukan kerajaan akan membina rumah-rumah ini dan peruntukan sebanyak RM974.6 juta telah disediakan. Jadi, di mana perlu kerajaan akan membina rumah-rumah ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rumah-rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada kakitangan yang sedia ada. Terdapat kadang-kadang separuh kakitangan itu sudah mempunyai rumah tetapi masih mendiami rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada mereka. Jadi, setakat hari ini, adakah kes-kes yang dikesan yang berlaku sedemikian dan adakah jabatan akan mengambil kira kakitangan-

kakitangan yang berkahwin yang juga isterinya mempunyai rumah tetapi masih tinggal di rumah kerajaan. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka mengenai anggota kerajaan yang mempunyai rumah tetapi mendiami rumah-rumah kerajaan. Tetapi dasar kerajaan tidak begitu ketat setakat ini oleh kerana terdapat kelonggaran di mana kadang-kadang rumah yang mereka miliki itu terlalu kecil dan jauh dari tempat kerja. Kemungkinan atas keperluan tugas mereka ini diizinkan menduduki rumah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) tidak hadir]

KEMPENTAHUNMELAWATTERENGGANU- CADANGANMENAMBAHLALUAN PENERBANGAN

7. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa negeri Terengganu sedang menuju kepesatan pembangunan ekonomi dan pelancongan, terutama kempen Tahun Melawat Terengganu 1997, apakah perancangan-perancangan kementerian:-

- (a) adakah perancangan menambah laluan penerbangan dari 3 kali sehari kepada 4 atau 5 laluan penerbangan sehari Terengganu ke Kuala Lumpur dan sebaliknya; dan
- (b) adakah cadangan kementerian untuk mengadakan pendaratan penerbangan secara transit iaitu Langkawi ke Terengganu ke Kuala Lumpur atau Penang, Terengganu ke Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu atau Sarawak ke Terengganu ke Kuala Lumpur dan sebaliknya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) suka saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Penerbangan Malaysia (MAS) sekarang telah pun mengadakan 4 penerbangan setiap hari ataupun 28 penerbangan seminggu atas sektor Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu.

Di samping itu, Asia Pacific Airlines mengadakan penerbangan setiap hari atau 7 penerbangan seminggu atas sektor Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu.

Bagi sektor Pulau Pinang Ke Terengganu, 5 penerbangan setiap minggu yang telah dikendalikan oleh Asia Pacific Airlines telah pun bermula dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, MAS mempunyai rancangan untuk menambah 3 lagi penerbangan seminggu di atas sektor yang sama iaitu Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu mulai 30hb. Mac, 1997.

- (b) Buat masa ini MAS dan Asia Pacific Airlines tidak ada rancangan untuk mengadakan pendaratan penerbangan secara transit iaitu Langkawi ke Kuala Terengganu, ke Kuala Lumpur atau ke Pulau Pinang, Terengganu ke Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu atau Sarawak ke Terengganu ke Kuala Lumpur.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, rakyat dari Sarawak, khasnya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap hal Sarawak, di sini Terengganu, Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini mengenai laluan penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cuba tengok, ya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya cubalah. Bolehkah kementerian mengkaji semula untuk menambah laluan penerbangan di dalam sektor Sibul Kuala Lumpur dari satu kali sehari kepada dua kali sehari? Ini keluar tajuk, saya kurang tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terkeluar, Yang Berhormat.

POSMALAYSIA BERHAD - SELEPAS DIPERBADANKAN

8. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah keuntungan setiap tahun yang diperolehi oleh Pos Malaysia sejak ia diswastakan dan nyatakan kerugian/keuntungan terkumpul. Nyatakan juga peratus kenaikan perkhidmatan sejak ia diswastakan dan sama ada rancangan untuk menaikannya pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, izinkan saya membuat sedikit pembetulan kepada soalan Yang Berhormat iaitu Pos Malaysia Berhad sehingga hari ini belum lagi diswastakan. Ia cuma diperbadankan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Pos Malaysia diperbadankan, ia telah mencatatkan keuntungan yang agak sederhana sahaja. Jumlah keuntungan yang diperolehi pada tahun 1992 ialah RM20.65 juta iaitu kenaikan sebanyak 17.1% dibandingkan dengan tahun sebelumnya, iaitu sebanyak RM19.7 juta. Secara purata, untuk tempoh empat tahun pertama selepas diperbadankan, peratus keuntungan yang dicatatkan adalah dalam lingkungan 16.5% setahun, manakala keuntungan terkumpul Pos Malaysia sehingga tahun 1995 adalah RM122.450 juta.

Sejak diperbadankan, Pos Malaysia Berhad belum lagi mengenakan kadar perkhidmatan yang baru. Walau bagaimanapun, jika ada cadangan untuk menaikkan kadar baru perkhidmatan di masa akan datang, kerajaan akan mengambil kira kepentingan pengguna sebelum sebarang keputusan diambil.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya tentang kadar pulangan daripada prestasi kewangan yang dicapai oleh Pos Malaysia dan memandangkan keuntungan sungguhpun tidak berapa memberangsangkan seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri selepas ia diperbadankan, bilakah pihak kerajaan bercadang ia diswastakan? Adakah untuk menggalakkan penswastaannya, ia akan disenaraikan di dalam BSKL?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tiada butiran tentang kadar pulangan terhadap Pos Malaysia. Walau bagaimanapun, saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memang merasa amat puas hati dengan prestasi Pos Malaysia dari segi kewangan dan sebagainya dan kerajaan memang ada rancangan untuk menswastakan dan seterusnya menyenaraikan Pos Malaysia Berhad di KLSE. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam penelitian pihak kerajaan dan belum ada satu keputusan muktamad diambil.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Pos Malaysia memastikan bahawa semua posnya berdikari sebagai satu pusat keuntungan atau cost centre, malangnya terdapat beberapa pejabat pos yang kecil di kawasan hulu, pedalaman atau di atas bukit seperti di kawasan saya di Bukit Bendera dijangka akan cuba ditutup oleh Pos Malaysia.

Jadi, apakah rancangan atau pandangan Kementerian tentang pejabat pos kecil di pedalaman ini dan adakah Kementerian berhasrat untuk mengubah cara pejabat pos yang kecil ini kepada

satu kedai serba niaga atau sebagai kedai supaya ia dapat wujud sebagai satu pejabat pos yang berdikari?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, terdapat bilangan yang agak besar pejabat pos yang mengalami kerugian, khususnya di kawasan desa. Boleh saya katakan hampir semua post office di Pantai Timur mengalami kerugian. Tetapi, kita tidak boleh menutup ataupun berbuat apa-apa kerana ini adalah merupakan satu tanggungjawab sosial Pos Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, kita akan mencari jalan dan memastikan bahawa lebih banyak post office ini dapat berdikari, termasuk cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Sebenarnya, kita telah mengambil langkah untuk menjalankan apa yang telah pun dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim.

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan) tidak hadir]

PENDAFTARAN SEBAGAI PEMILIH-SIKAP GENERASI MUDA DAN GOLONGAN SISWAZAH

10. **Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah kerajaan dalam mengatasi masalah sikap generasi muda yang tidak mendaftar sebagai pemilih dan terdapat segelintir yang telah mendaftar sebagai pemilih tetapi tidak menunaikan hak mereka sebagai pengundi; dan
- (b) apakah benar golongan siswazah yang ramai tidak mendaftar sebagai pemilih.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suruhanjaya Pilihanraya telah dan akan terus mengambil tindakan untuk menggalakkan orang ramai, termasuk generasi belia supaya mendaftar sebagai pemilih. Di antara tindakan-tindakan yang diambil ialah mengadakan publisiti yang meluas melalui media cetak dan elektronik ketika SPR mengadakan urusan pendaftaran pemilih pada tiap-tiap tahun.

SPR telah berusaha meningkatkan lagi kemudahan bagi menyenangkan orang ramai mendaftar. Di antaranya ialah

membuka pusat-pusat pendaftaran di tempat-tempat tumpuan orang ramai dan juga menggiatkan urusan pendaftaran dari rumah ke rumah, pejabat-pejabat, kilang-kilang dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Bagi menggalakkan orang ramai yang telah mendaftar keluar mengundi ketika pilihan raya, SPR telah dan akan mengambil langkah untuk tujuan tersebut. Publisiti-publisiti yang lebih meluas akan disebar melalui media menjelang pilihan raya untuk menggalakkan orang ramai keluar mengundi.

Di samping itu, SPR telah menghadkan jumlah pengundi-pengundi di satu saluran mengundi kepada 700 orang sahaja untuk mengelakkan pengundi dari terpaksa beratur panjang sebelum dapat mengundi.

SPR akan mengadakan program pendidikan pengundi untuk menanamkan kesedaran di kalangan orang ramai termasuk generasi muda akan tanggungjawab mereka dalam negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen melalui pilihan raya.

- (b) SPR tidak mempunyai rekod mengenai pendaftaran golongan siswazah sebagai pemilih. Walau bagaimanapun, SPR telah pun menggiatkan usaha untuk mendaftarkan golongan ini dengan menghantar kakitangan SPR ke institusi pengajian tinggi bagi menggalak dan memberikan kemudahan kepada mereka untuk mendaftar sebagai pemilih.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pendaftaran terutama sekali di luar-luar bandar adalah sangat mengecewakan, terutama sekali di Sarawak kita nampak aktiviti pendaftaran adalah jauh daripada yang kita jangka. Dan kebelakangan ini kita nampak ada juga tanda-tanda yang menunjukkan rakyat Malaysia telah dijangkiti satu penyakit yang berlaku di negeri-negeri yang telah membangun iaitu mempunyai satu attitude, dengan izin, yang 'tidak apa', sama ada mengundi ataupun tidak mengundi.

Jadi, kalau benarlah adanya tanda-tanda yang sedemikian berlaku, apakah tindakan yang perlu dibuat oleh pihak SPR supaya bukan sahaja generasi yang muda tetapi juga generasi tua supaya lebih peka, lebih terlibat dan lebih memberi kepentingan kepada pilihan raya pada masa yang akan datang?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kedapatan ramai lagi warganegara kita yang layak untuk mendaftar untuk mengundi masih belum mendaftar sebagai pemilih. Walaupun pelbagai usaha SPR telah dilaksanakan, tetapi mereka seolah-olah sengaja tidak mahu mendaftar sebagai pemilih. Kita tidak tahu sama ada salah SPR, kurang cara menyenangkan mereka untuk mendaftar tetapi hakikatnya kalau mereka mempunyai semangat untuk menjadi seorang warganegara yang bertanggungjawab, saya rasa memang bukanlah satu kesusahan bagi mereka untuk mendaftar sebagai pemilih di mana-mana sahaja di negara kita ini apabila masanya ditentukan.

Penyakit 'tidak apa' ini kadangkala bukan sahaja kita terdapat kepada mereka yang hendak mendaftar sebagai pemilih, tetapi kadangkala kita kedapatan penyakit 'tidak apa' ini meliputi semua bidang. Kadangkala apa-apa sahaja peluang yang boleh mereka rebuti, mereka tidak menceburi, dia mengatakan: "Tidak apalah, biarlah orang lain dapat!" Penyakit ini memanglah selalu terjadi di mana-mana tempat, tetapi kita cukup yakin, bagi negara kita bilangan yang belum mendaftar itu tidaklah begitu membimbangkan, mungkin kita akan memikirkan cara-cara yang lebih baik bagi memberi masa kepada mereka untuk mendaftar.

Saya juga mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mestilah memainkan peranan yang sama bertanggungjawab menggalakkan penduduk di kawasan masing-masing supaya mereka keluar beramai-ramai mendaftar sebagai pemilih apabila masa pendaftaran pemilih diadakan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, semasa pendaftaran pemilih yang lalu, kita faham khususnya bagi kawasan saya di Baram, bahawa pegawai dari Jabatan Pendaftaran sahajalah yang ditugaskan untuk mendaftar pemilih-pemilih yang baru, tidak termasuk guru-guru yang bertugas di kampung-kampung seperti yang telah dijalankan pada pendaftaran pemilih yang lepas.

Jadi, kita juga tahu bahawa pegawai ini tidak mampu berjalan ke kawasan pedalaman dan mendaftarkan penduduk di luar bandar. Memandangkan masalah yang seperti ini, adakah kerajaan akan mengkaji semula pendekatan, walaupun Setiausaha Parlimen telah berkata tadi, adakah kerajaan akan mengkaji semula pendekatan yang tidak memuaskan ini supaya penduduk di pedalaman khususnya pihak dalam golongan rakyat termiskin dan juga pihak pekerja di kem-kem kayu balak yang jauh di ulu, supaya mereka ini juga berpeluang untuk mendaftar sebagai pemilih?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, SPR sentiasa mengambil tindakan bagi menentukan semua warganegara yang layak menjadi pemilih mendaftar sebagai pemilih. Memang kedapatan ada di antara rakyat kita yang tinggal di luar bandar, jauh di pedalaman, memanglah sukar bagi mereka hendak datang mendaftar di pusat-pusat yang ditempatkan dan juga pegawai yang kita lantik juga sukar untuk pergi ke pedalaman melainkan menggunakan jalan-jalan tertentu ataupun melalui udara.

SPR akan menyemak perkara ini dan akan mencari jalan untuk mengatasi perkara ini supaya dapat kita mendaftarkan mereka. Mungkin kita boleh bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain yang terlibat, misalnya Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya, kita mengadakan atau menugaskan satu pasukan khas untuk masuk ke kawasan pedalaman ini selain daripada kita mendaftar mereka untuk menjadi pemilih, mungkin kita juga boleh memberi mereka perkara yang lain seperti kad pengenalan dan lain-lain perkara yang boleh kita laksanakan bersama.

PEMBATALAN PENDAFTARAN SYARIKAT- SEBAB

11. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) berapa syarikat telah didaftarkan, antaranya berapa adalah syarikat Berhad dan bukan berhad; dan
- (b) berapa syarikat tersebut yang gagal menghantar Penyata Kewangan tahunan mereka sejak tujuh tahun yang lalu dan adakah kerajaan bercadang untuk membatalkan pendaftaran syarikat tersebut, jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30hb. November, 1996, sebanyak 415,334 buah syarikat terdapat dalam daftar Pejabat Pendaftar Syarikat. Dari jumlah tersebut sebanyak 411,627 merupakan syarikat Berhad manakala 327 buah lagi merupakan syarikat tidak berhad. Bilangan syarikat asing yang didaftarkan ialah 3,380 buah.
- (b) Sebanyak 20,587 buah syarikat telah dikenal pasti sebagai syarikat yang tidak memfailkan

penyata akaun dan lain-lain penyata kepada Pejabat Pendaftar Syarikat sejak tujuh tahun yang lalu. Pejabat Pendaftar Syarikat pada masa ini sedang dalam proses memotong nama syarikat-syarikat tersebut dari daftar, agar rekod-rekod dan statistik pejabat lebih kemaskini dan teratur.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 1996, sebanyak 8,556 buah syarikat telah diminta penjelasan dalam masa satu bulan melalui suatu notis sama ada masih beroperasi atau menjalankan perniagaan. Jika tiada jawapan dalam tempoh yang diberikan, notis kedua akan dikeluarkan dan memberi masa tiga bulan lagi kepada syarikat yang terlibat untuk memberi penjelasan. Dalam masa yang sama, pengwartaan pertama akan dibuat bertujuan memberitahu orang awam bahawa Pendaftar Syarikat bercadang memotong nama syarikat berkenaan dari daftar. Jika tiada juga jawapan dalam tempoh tiga bulan seperti yang dinyatakan, pengwartaan yang kedua akan dibuat oleh Pejabat Pendaftar Syarikat dan dengan tersiarnya pengwartaan yang kedua itu, syarikat yang terbabit akan dengan rasmi terpotong namanya dari daftar pejabat ini.

Tindakan ini adalah suatu tindakan berterusan sehingga semua syarikat yang tidak aktif dan tidak memfailkan dokumen di dalam satu tempoh tertentu dipotong nama dari daftar.

Tuan Yeong Chee Wah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah jumlah orang awam yang telah diisytiharkan muflis atau bankrap, dengan izin, masih memegang jawatan pengarah di syarikat-syarikat berhad dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian terhadap mereka? Sekian terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kementerian dengan bantuan Pejabat Pemegang Harta Malaysia telah mengenal pasti sebanyak 711 orang, setelah diisytiharkan bankrap tetapi masih memegang jawatan sebagai Pengarah Syarikat. Seramai 21 orang telah dikenakan tindakan undang-undang di mahkamah dan setakat ini ada 7 kes yang telah dikenakan denda sebanyak RM80,000 dan yang lain-lainnya masih menunggu perbicaraan.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Memandangkan bahawa bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan kita dan menghayati usaha kerajaan untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu, mengapakah sebilangan besar dari syarikat-syarikat baru yang didaftarkan mempunyai nama di dalam bahasa Inggeris dan adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan semua syarikat yang akan didaftarkan ataupun syarikat baru hendaklah didaftarkan dengan mempunyai nama dalam Bahasa Malaysia yang mempunyai unsur-unsur estetik yang indah supaya melambangkan usaha kementerian dalam melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Syarikat, 1995 nama syarikat sendirian berhad boleh didaftarkan dengan bahasa Inggeris. Kementerian ini telah berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya nama syarikat sendirian berhad akan digunakan untuk pengiklanan signboard, dengan izin, dan kajian sedang dibuat.

PROGRAM GAYA HIDUP RAKAN MUDA - KAJIAN SEMULA

12. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan prestasi yang telah tercapai dalam program gaya hidup Rakan Muda dan sama ada kementerian bercadang untuk mengkaji semula sepuluh gaya hidup Rakan Muda yang sedang dijalankan kerana ada daripadanya tidak mendapat sambutan yang baik.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, prestasi sambutan dan pelaksanaan kesemua sembilan program gaya hidup dan satu gerakan perkadiran yang diperkenalkan di bawah program Rakan Muda adalah menggalakkan. Sehingga 30hb November, tahun ini seramai 1,392,294 anak muda telah mendaftar diri dalam pelbagai gaya hidup Rakan Muda. Manakala dari jumlah itu, seramai 1,232,934 orang telah pun mengikuti program melalui 14,506 aktiviti-aktiviti yang dijalankan di seluruh negara. Dari segi pemilihan aktiviti di dapati aktiviti bercorak luaran (out-door) seperti rakan rekreasi, rakan wajar diri, rakan cinta alam dan rakan sukan adalah lebih diminati berbanding dengan aktiviti-aktiviti bercorak dalaman (in-door) seperti rakan wira usaha dan wira mahir serta rakan rekacipta.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sentiasa mengkaji pelaksanaan program rakan muda dari masa ke semasa, walaupun kementerian pada masa ini tidak bercadang untuk meminda, menggantikan ataupun mengubah 9 gaya hidup dan satu gerakan perkadiran ditawarkan dari segi reka bentuk atau

pun konseptual dari segi gaya hidup itu. Walau bagaimanapun, usaha untuk memperbaiki dan memperkemas sistem pelaksanaan akan sentiasa dibuat bagi meningkatkan lagi keberkesannya.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memastikan bahawa program gaya hidup rakan muda ini dapat dijalankan dengan jayanya, saya rasa kemudahan-kemudahan perlu juga disediakan. Oleh kerana itu, saya ingin tahu sama ada kemudahan-kemudahan, misal kata kompleks sukan dan sebagainya telah disediakan dan bagaimana program-program untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa sekiranya kita ingin melihat bahawa program rakan muda ini dapat dijalankan dengan baik dan efektif, kita patut mempunyai kemudahan-kemudahan asas di peringkat daerah. Jadi, oleh kerana itu Kementerian Belia dan Sukan sedang menjalankan kajian di seluruh negara tentang kemudahan-kemudahan sukan dan juga kemudahan-kemudahan untuk aktiviti-aktiviti belia dijalankan di peringkat daerah dan kajian ini akan disiapkan tidak lama lagi. Dengan laporan berkenaan, kementerian akan dapat menjalankan peringkat demi peringkat untuk membina kemudahan-kemudahan seperti kemudahan kompleks belia dan sukan ataupun pusat-pusat rakan muda dan lain-lain lagi di peringkat daerah. Tetapi ini kena dibuat peringkat demi peringkat kerana memakan peruntukan yang amat besar.

Tuan Yunus bin Rahmat: Setelah hampir dua tahun rakan muda ini dilancarkan dan lebih 1.39 juta orang telah pun menyertai, bagaimanakah pandangan kementerian, adakah objektif tentang pelancaran gerakan rakan muda ini telah mencapai matlamatnya? Dan apakah kementerian berpendapat dengan perbelanjaan berjuta-juta ringgit itu telah dapat mengatasi masalah-masalah lepak di kalangan anak muda yang selama ini diperkatakan? Adakah cadangan kementerian untuk memberikan gerakan rakan muda ini lebih berkesan untuk memperuntukkan sejumlah wang secara geran kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di negara ini supaya program itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan lebih banyak lagi hingga ke peringkat akar umbi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah sentiasa menerangkan mengenai objektif Rakan Muda ini dan juga selalu melaporkan

kepada Parlimen bahawa kementerian saya berpuas hati tentang keberkesanan program Rakan Muda setakat ini. Janganlah kita lupa objektif program Rakan Muda dan golongan yang kita tujukan iaitu golongan belia di antara 18 - 25 sahaja. Itulah objektif kita. Kita ingin melihat bahawa belia yang berada di dalam golongan ini tidak melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti bohsia, lepak, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Jadi, dengan objektif yang ketara ini, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan ingin menegaskan bahawa kita berpuas hati dengan keputusan ini.

Walaupun susah bagi kita mengukur keberkesanan secara spesifik tetapi kita tahu bahawa program ini telah memberi kekesanan yang baik dan saya ingin menegaskan bahawa program Rakan Muda ini bukan satu program pemulihan untuk belia tetapi satu program mencegah bahawa kita ingin melihat belia-belia supaya jangan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Belia-belia yang telah melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah, program ini tidak efektif. Jadi, ini satu program pencegahan dan bukan program pemulihan.

Berkenaan peruntukan-peruntukan untuk pertubuhan-pertubuhan belia, Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji dan bercadang ingin berbincang dengan Kementerian Kewangan, bolehkah dari sumber kewangan ini dapat dinaikkan? Kalau boleh, kita dapat menyalurkan lebih peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia. Sekarang ini kita minta pihak swasta seperti shopping complex dan semua ini dapat menjalankan aktiviti-aktiviti Rakan Muda di bawah anjuran 'management of the shopping complex', dengan izin, terima kasih.

DISIPLIN ANGGOTA POLIS MEROSOT - TINDAKANKEMENTERIAN

13. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak kementerian sedar tentang keadaan disiplin di kalangan anggota polis yang semakin merosot dan apakah tindakan kementerian untuk membendung keadaan ini supaya tidak bertambah buruk.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, masalah disiplin di kalangan anggota polis tidaklah begitu serius dan masih terkawal. Jumlah mereka yang terlibat dengan perbuatan salah laku adalah kecil. Bagi tempoh antara Januari hingga Oktober 1996, cuma 4.8% atau 3,682 orang dari jumlah 76,719 orang anggota telah diambil tindakan disiplin.

Kementerian sedar akan perkara ini, pelbagai usaha telah dibuat untuk membendung masalah ini dari berlarutan dan kementerian percaya lambat-laun tahap disiplin anggota polis akan dapat dipertingkatkan melalui program-program seperti kursus keagamaan dan bina semangat dan khidmat nasihat atau kaunseling.

Di samping itu, Jawatankuasa Skim Kawalan Disiplin Dadah dan Jawatankuasa Penyelaras Tatatertib dan Mencegah Rasuah ditubuhkan di semua peringkat daerah, kontinjen, formasi dan skuad Bukit Aman bagi menangani masalah disiplin, dadah, rasuah di kalangan pegawai dan anggota polis. Tindakan-tindakan disiplin sehingga ke tahap buang kerja juga diambil ke atas pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang terbukti kesalahan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kompelin orang ramai terhadap polis khususnya mengenai kekerasan pihak polis termasuk laporan kepada polis selalu tidak dihiraukan. Ada berlaku double standard dalam mengendalikan kes-kes semacam ini; satu kes ialah mengenai kekerasan terhadap Setiausaha DAPSY, Ronnie Liew yang berlaku dalam bulan September tahun lalu di tempat umum, ada saksi. Inilah yang menyebabkan kenapa ada satu usaha atau satu dialog yang ada dikutuk oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga alasan-alasan, tuduhan-tuduhan yang tidak berasas oleh IGP.

Adakah pihak polis atau pihak kerajaan rela mengadakan satu mekanisme di mana ada satu police ombudsman di tubuhkan di mana kompelin terhadap polis disiasat oleh orang yang bebas. Dipengerusikan oleh ombudsman police yang bebas daripada pihak polis untuk mendapat kepercayaan orang ramai?

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memikirkan bahawa ini merupakan satu dialog tetapi lebih merupakan satu perbincangan terbuka yang mempelawa orang ramai dengan pamflet-pamflet yang dikeluarkan di seluruh negara. NGO boleh bergerak, kalau negara itu aman dan mempunyai sistem demokrasi yang tulen. NGO tidak boleh bersuara di Bosnia, atau di Burundi atau Afghanistan atau Korea Utara. Sejarah telah membuktikan polis sebagai sebuah ejen kerajaan telah mewujudkan keamanan yang jitu di negara ini sejak pengganas komunis, konfrantasi dan 13 Mei.

Jadi, kalau sekiranya kewibawaan, kebijaksanaan polis mewujudkan keamanan sehingga kita boleh

duduk selesa seperti hari ini, hendak dicabar, hendak dibakar hati rakyat, maka rakyat akan benci anggota keselamatan. Dan ini akan menjejaskan keselamatan dalam negara. Jadi, satu mekanisme yang bertanggungjawab, satu cara yang difikirkan bukan sahaja membarakan hati rakyat, bukan sahaja mematahkan semangat anggota keselamatan secara biasa, haruskah kita cari bersama-sama untuk menentukan keadilan untuk semua pihak dapat dibentuk. Sama-samalah kita fikirkan perkara ini, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 9 dan 14 hingga 32 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [16 Disember 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, sila sambung ucapan.

3.37 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Pejabat Imigresen diserbu oleh pendatang-pendatang asing dan juga majikan. Kerana gerakan pemutihan ini yang sedang berjalan sekarang sehingga 31hb. Disember ataupun sebelum rang undang-undang ini, pindaan ini diwartakan selepas diluluskan oleh Dewan Negara nanti. Oleh itu, pihak majikan, pihak pendatang haram yang dalam keadaan hitam untuk diputihkan sekarang ini berpusu-pusu ke Pejabat Imigresen. Saya ke Pejabat Imigresen pagi tadi, memang saya lihat ramai sungguh dalam minggu ini sehinggalah 31hb. Disember. Begitu ramai pendatang ini pergi bersama dengan majikan-majikan mereka, untuk mendapat permit kerja di sini dalam program pemutihan yang berjalan sekarang. Kita harap pihak imigresen, pihak polis mempergiatkan usaha mereka supaya orang-orang yang tidak dikehendaki, yang disenarai hitam kerana

jenayah, menipu masuk dua, tiga kali, mereka ini tidak diizinkan untuk diputihkan. Pihak polis hendaklah bekerjasama dengan pihak imigresen dengan lebih kuat terutama menjelang program pemutihan ini supaya penjenayah-penjenayah atau mereka yang tidak dikehendaki tidak terlepas masuk dan didaftarkan.

Begitulah juga pihak BPR, hendaklah lebih kuat dalam masa gerakan pemutihan ini, kalau-kalau berlaku sogokan kepada pegawai-pegawai tertentu untuk mempercepatkan proses untuk mereka mendapat permit kerja dalam program pemutihan yang berjalan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap bahawa selepas rang undang-undang ini diwartakan, maka pihak Kementerian Sumber Manusia hendaklah bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri iaitu selepas itu kita hanya mengambil pekerja-pekerja yang mahir, pekerja-pekerja yang diperlukan sahaja oleh kilang-kilang, oleh industri-industri di sini. Kalau sebarang kerja yang boleh dibuat oleh rakyat tempatan, hentikanlah kemasukan orang luar. Dan kita memang harap sungguh-sungguh kali ini, rang undang-undang sudah ada, undang-undang sudah ada, yang pentingnya pelaksanaan undang-undang itu benar-benar berjalan dan mereka yang diperlukan sahaja oleh industri, oleh kilang dan sebagainya, di bawa masuk dan mereka yang tidak diperlukan yang kerja boleh dibuat oleh pekerja tempatan tidak lagi di bawa masuk selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kita lihat pegawai-pegawai imigresen ini, kita lihat di jabatan kerajaan kerja tidak seimbang, kadang-kadang. Pejabat Pendaftaran, Pejabat Imigresen, Pejabat Tanah, mereka bekerja cukup kuat, hebat dan gigih. Kadangkala waktu minum, waktu makan pun tidak ada kerana mereka terpaksa menghabiskan orang line-up daripada pagi dan sampailah ke petang. Kadang-kadang jabatan kerajaan yang lain, kita lihat, kita pergi pukul 11.00 pagi, 3.00 petang, mereka sudah boleh buat mengait bunga, menjahit baju pun ada. Tetapi di Pejabat Imigresen, Pejabat Pendaftaran ini saya tidak nampaklah. Kadang-kadang kita tengok pegawai-pegawai wanita ini, kita naik kasihan melihat mereka bekerja. Mereka bekerja dengan begitu gigih sekali. Yang rasuah, yang menyeleweng ini ada tetapi tidak banyak. Tetapi hak yang ikhlas dan gigih itu banyak.

Oleh itu kalau ada kenaikan pangkat utamakan daripada yang dalam, setengah itu mereka masuk bekerja dengan SPM, waktu malam mereka belajar

dan mereka ambil out-campus. Sudah ada ijazah masih lagi bekerja di peringkat SPM sekarang ini, kerana kononnya tempat kosong masih tidak ada. Sedangkan pengalaman mereka bekerja selama 10 tahun, 15 tahun sudah selayak dengan ada ijazah yang mereka ambil melalui program luar kampus. Untuk pegawai ini dinaikkan terus ke jawatan timbalan-timbalan pengarah ataupun jawatan-jawatan yang sesuai dengan kelulusan dan disertakan dengan pengalaman. Kenaikan pangkat yang begini lambat setahun sudah ada ijazah masih bekerja di peringkat SPM membuatkan mereka kadangkalanya menjadi malas, kecewa dan orang lain pun menjadi malas juga untuk belajar, untuk dapatkan ijazah. Buat apa kalau ada ijazah dekat dua tahun pun masih lagi bekerja di tahap SPM? Tidak dinaikkan pangkat mengikut kelulusan dan pengalaman yang ada pada mereka.

Kita harap perkara ini perlulah dibuat pertimbangan kerana kita tahu pihak imigresen ini akan semakin sibuk kerja mereka terutama menjelang Sukan Komanwel, kehadiran orang luar yang begitu ramai dan prestasi mereka mesti dipertingkatkan, jadi, imej dan maruah Imigresen Malaysia perlu dipertingkatkan.

Kita tidak mahu dengar lagi selepas ini ada rasuah seks, rasuah itu dan ini yang berlaku dan juga pegawai-pegawai imigresen ditangkap di bawah ISA begitu ramai kerana adanya pemalsuan pasport dan sebagainya dapat dikurangkan. Oleh itu, pihak BPR diharap dapat bertindak dengan lebih aktif supaya imej imigresen ini tidak tercemar, pegawai-pegawai yang berdedikasi sesuai dengan kerja mereka dan mendapat nama yang harum kepada rakyat Malaysia. Hanya itulah sahaja pandangan saya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gelang Patah.

3.43 ptg.

Tuan Chan See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pada petang yang berbahagia ini terhadap Akta Imigresen (Pindaan) 1996.

Sebagaimana yang kita sedia maklum cadangan untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 pada kali ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk memperkenalkan dasar yang lebih ketat terhadap kemasukan pendatang tanpa izin ke negara kita, yang mana kedatangan mereka yang tidak mengikut prosedur dan saluran yang ditetapkan telah menimbulkan pelbagai masalah yang kurang

disenangi oleh masyarakat tempatan. Sehubungan itu, saya menyokong sepenuhnya pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pindaan-pindaan yang dicadangkan sebagaimana yang terkandung dalam rang undang-undang ini adalah cukup menyeluruh, di mana bukan sahaja pendatang tanpa izin yang akan dikenakan tindakan yang tegas. Mana-mana orang perseorangan mahupun pertubuhan, perbadanan yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam membantu atau menggalakkan kemasukan pendatang tanpa izin juga akan dikenakan hukuman yang berat. Adalah amat wajar bagi pihak kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menggalakkan kemasukan pendatang tanpa izin. Misalnya mereka yang terlibat dalam pemalsuan dokumen perjalanan atau yang menawarkan tempat penginapan untuk pendatang tanpa izin dan juga majikan yang keras kepala untuk megupah pendatang tanpa izin untuk bekerja dengan mereka sungguhpun mengetahui buruh yang digaji tidak memiliki permit kerja atau pas yang sah.

Saya berharap dengan pindaan kali ini kegiatan sindiket yang terlibat dengan penjualan dokumen perjalanan yang palsu akan dapat dibantu dan majikan-majikan yang ingin mengupah pendatang tanpa izin untuk bekerja dengan mereka dapat membuat pertimbangan semasak-masaknya memandangkan hukuman berat yang akan dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin tegaskan di sini bahawa akta yang dipinda tetap satu akta yang tidak bermakna sekiranya penguatkuasaan gagal dilaksanakan dengan cekap. Seperti mana yang dapat kita perhatikan Fasal 3 mencadangkan pindaan yang akan memperbanyakkan bilangan pegawai-pegawai imigresen pada semua peringkat dan memandangkan nisbah kakitangan pejabat imigresen terhadap populasi pendatang tanpa izin pada masa sekarang adalah cukup kecil, maka saya berharap pihak berkuasa dapat memanfaatkan sepenuhnya peruntukan baru tersebut demi mempercepatkan lagi semua urusan dengan pejabat imigresen, terutamanya dari segi penguatkuasaan dan pendaftaran pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini adalah wajar bagi kita untuk mengkaji apakah sebabnya majikan-majikan suka mengupah pendatang tanpa izin untuk bekerja dengan mereka. Memang tidak dapat dinafikan bahawa salah satu sebab utama

ialah pendatang tanpa izin dapat diupah dengan gaji yang lebih murah. Namun sepanjang pengamatan saya tidak kurang juga majikan yang terpaksa mengambil pendatang tanpa izin sebagai pekerja kerana proses pendaftaran pekerja asing melibatkan kos tambahan yang tinggi dan juga memakan masa yang panjang.

Saya menyokong sepenuhnya pendaftaran untuk pekerja asing dikenakan bayaran yang tinggi, memandangkan pekerja asing ini akan menggunakan kemudahan infrastruktur dan juga kemudahan lain yang dibina atas sumbangan cukai pendapatan atau cukai syarikat daripada masyarakat tempatan.

Pengenaan bayaran yang tinggi untuk mendaftarkan pekerja asing juga akan mendesak pihak majikan mempertimbangkan untuk mengupah rakyat tempatan terlebih dahulu sebelum menawarkan sesuatu peluang pekerjaan kepada pekerja asing. Tetapi satu perkara yang ingin saya komen ialah tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan pendaftaran pekerja asing. Saya berharap proses tersebut dapat diperkemas supaya pihak majikan tidak perlu menunggu lama bagi mendapatkan pekerja yang sah dan juga dengan bertambahnya kakitangan pejabat imigresen proses pendaftaran ini seharusnya dapat dipercepatkan lagi.

Dengan adanya sistem pendaftaran pekerja asing yang cekap, saya yakin para majikan tidak akan begitu cenderung untuk mengupah pendatang asing tanpa izin dan ejen-ejen yang tidak bertanggungjawab tidak lagi mempunyai kesempatan untuk "menanggung di air keruh" dengan membekalkan pekerja yang tidak sah kepada majikan mahupun menjual dokumen yang palsu kepada mereka yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjangkakan bahawa pindaan terhadap Akta Imigresen ini akan menerima reaksi yang kurang positif daripada pihak-pihak tertentu terutamanya pengoperasi-pengoperasi dalam sektor-sektor ekonomi yang intensif buruh. Misalnya sektor perladangan, perkilangan dan pembinaan yang kini sedang dilanda masalah kekurangan pekerja yang serius. Sehubungan itu saya mencadangkan supaya pembangunan ekonomi negara dapat dirancang sedemikian rupa supaya kegiatan ekonomi intensif buruh dapat dikurangkan dan digalakkan aktiviti ekonomi yang berintensif teknologi.

Kadar produktiviti sektor-sektor yang bergantung kepada tenaga buruh juga perlu di pertingkatkan dengan mengadakan latihan kemahiran untuk pekerja-pekerja. Latihan

kemahiran tersebut boleh dikelolakan oleh pihak kerajaan atau pihak kerajaan boleh menawarkan intensif kepada para majikan untuk mengadakan latihan sedemikian atau pihak kerajaan dan pihak swasta dapat bersama-sama mengendalikan program-program yang bertujuan mempertingkatkan dan memantapkan kemahiran para pekerja.

Sungguhpun cadangan-cadangan tersebut tidak ada kaitan langsung dengan pindaan Akta Imigresen namun kita perlu sedar bahawa matlamat kita untuk mencari satu formula penyelesaian yang sempurna kepada masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin semakin kritikal hanya akan dapat dicapai dengan adanya polisi-polisi dan dasar-dasar yang konsisten antara satu sama lain dan perlu mendapat kerjasama serta sokongan dari semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengunduri diri, saya ingin mengingatkan sekali lagi bahawa proses pendaftaran pekerja asing patutlah diperkemas dan dimudahringkaskan sebanyak yang mungkin supaya tempoh masa proses pendaftaran tidak menjadi faktor penarik yang mendorong majikan mengupah pendatang asing tanpa izin sebagai pekerja.

Mudah-mudahan pendatang asing tanpa izin yang menganggur ini tidak akan menggalakkan saudaramara di kampung halaman untuk menunggu peluang menyeludup masuk dan mencuba nasib di negara kita. Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

3.54 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pemutihan yang dijalankan pada masa sekarang mengizinkan tauke atau tuan-tuan kilang untuk mendaftar pekerja-pekerja asing mereka sehingga 31hb. Disember ini. Di sini saya membangkitkan satu soalan di mana kontraktor-kontraktor pembinaan adalah golongan yang paling tinggi sekali mengupah pekerja-pekerja asing ini.

Sebelum pemutihan ini atau sebelum seorang subkontraktor hendak mengambil kontrak sub dari main contract. - Main contractor ada memberi peringatan kepada subkontraktor ini bahawa mereka tidak boleh mengupah orang-orang asing tanpa izin dan sekiranya mereka didapati melanggar kesalahan ini mereka perlu menanggung segala tanggungjawab ke atas kesalahan ini.

Tetapi saya ingat, apabila pasukan penguatkuasa pergi memeriksa di tapak-tapak pembinaan dan apabila terdapat orang-orang asing tanpa permit bekerja di tapak itu maka pasukan penguatkuasa

mesti akan saman main contractor di tapak itu dan bukan mencari subkontraktor-subkontraktor yang berkenaan. Dalam konteks ini, seorang main-contractor tidak boleh sepenuh masa atau hari-hari menjaga di tapak pembinaan itu dan dalam konteks ini ada juga dalam rang undang-undang bahawa "*It shall be a defend for any person prosecuted pursuant to subsection 55A(3) or 55B(5) if he proves it tooks all necessary reasonable precaution an exercise all due diligence*".

Dalam konteks ini, saya memanglah suka merayu kepada kementerian supaya arahan diberi kepada pasukan penguatkuasa apabila dapat menangkap pekerja-pekerja asing ini mereka mesti pastikan siapa mengupah mereka, tidak kira dia subkontraktor atau siapa-siapa. Ini boleh mengelakkan satu beban kerja yang berat kepada main contractor di tapak seperti di KLIA, beribu-ribu pekerja asing kerja di sana tanpa tahu berapa tuan punya pekerja itu, mungkin satu ratus, dua ratus.

Jikalau sahaja saman dikenakan kepada main contractor yang membina KLIA ini, maka main contractor di KLIA ini, beliau akan sibuk sangat pergi ke mahkamah. Jadi, dalam hal ini saya ingin dapat satu penjelasan dari kementerian bahawa pekerja-pekerja asing tanpa izin kalau dapat tangkap tuan punya pekerja itu, apa yang saya kata 'direct responsible' kepada pekerja asing itu perlu ditanggungjawabkan dan bukan majikan utama atau main contractor di satu-satu tapak.

Tuan Yang di-Pertua, baru kelmarin sahaja saya membaca dalam surat akhbar bahawa tertangkap lagi sesuatu kumpulan orang-orang asing memasuki melalui Pasir Mas di Kelantan dan saya ingat ini mungkin sahaja dapat ditangkap, mungkin yang tidak dapat ditangkap atau yang tidak dapat dikesan, ramai lagi di merata-rata Malaysia. Dalam konteks ini saya suka menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana cara mereka boleh menyusup masuk ke negara kita? Begitu banyak kes, kalau mereka berjalan masukkah, mereka dibawa masuk dalam lorikah, satu keterangan boleh diberi kepada rakyat Malaysia untuk berwaspada kemungkinan kemasukan orang-orang asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pemutihan adakah orang-orang asing ini bergerak seperti rakyat Malaysia? Iaitu selepas beliau dapat satu identiti atau satu sijil, bolehkah beliau melancong ke sana, melancong ke sini dan bergerak seperti rakyat Malaysia pergi ke pasar malam, pergi ke sana sini. Ini mungkin perlu dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu tempoh sah selepas pemutihan berapa lama, mungkin satu tahun

selepas pemutihan dan selepas tempoh sah itu beliau kena memperbaharui dan apa syarat atau apa charge yang dikenakan atau levi yang dikenakan untuk memperbaharui permit orang-orang asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada kementerian supaya pasport antarabangsa 64 muka surat boleh di perolehi di mana-mana satu pejabat Imigresen kerana pada masa sekarang kebanyakan pejabat Imigresen hanya memperuntukkan pasport 32 muka surat sahaja dan bukan 64 muka. 64 muka surat perlu pergi ke ibu pejabat Imigresen di satu-satu negeri.

Seperti di Pulau Pinang, kami tidak boleh memperoleh sebanyak 64 muka surat bagi pasport international di Butterworth. Kami perlu pergi ke Pulau Pinang untuk mendapat 64 muka surat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu saya terbaca di dalam surat khabar bahawa hanya terdapat dua sahaja kaunter imigresen di Subang Airport untuk rakyat Malaysia dan terdapat lebih banyak kaunter untuk orang-orang asing dan ini menyusahkan orang-orang tempatan apabila hendak menyelesaikan pasport ini.

Saya berpendapat, jikalau kami ada banyak kaunter di lapangan terbang dan hanya dua untuk orang tempatan, jikalau kaunter-kaunter untuk orang asing ada kekosongan, pegawai-pegawai yang bertugas di tempat itu bolehlah mengarahkan orang-orang tempatan supaya pergi ke kaunter yang lain. Kaunter yang lain semua ada on-line computer, serupa dan bukan sahaja terhad kepada dua kaunter untuk orang tempatan sahaja. Ini akan menyenangkan hati orang-orang tempatan ini seperti yang terdapat di negara asing seperti Hong Kong dan tempat-tempat lain, walaupun terhad kepada residen Hong kong sahaja, tetapi kalau ada kekosongan, orang asing boleh pergi ke sana dan sebaliknya.

Dengan ini, sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.

4.03 ptg. -

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk berucap di dalam Akta Imigresen (Pindaan) 1996 ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang mewujudkan satu akta agar kita dapat membuat sesuatu di atas satu perkara yang sangat

hangat diperbincangkan dan menjadi masalah yang besar kepada negara kita. Kita hendak tahan langsung tidak beri masuk buruh asing pun tidak boleh sebab ada untung dan ada rugi. Kita untung dari segi ekonomi, kita untung dari segi pembangunan sebab negara kita membangun dengan begitu pesat, kita tidak ada pekerja-pekerja untuk membangunkan bangunan-bangunan ini.

Tetapi kita ada juga bahagian-bahagian yang kita rugi. Pertama sekali, buruh tempatan kita. Sekarang saya tengok dari segi bangunan sudah tidak ada lagi pekerja sebab kalau ada sedikit, susah hendak masuk. Misalnya dahulu saya bangkitkan dalam estet. Kebanyakannya terdiri daripada pekerja buruh-buruh asing. Buruh-buruh tempatan tidak boleh masuk, dia jadi macam gangster di dalam estet itu. Buruh-buruh tempatan kita menghadapi tekanan. Sebab itu banyak sekarang ini kita dapati tidak ada buruh-buruh tempatan ini untuk memasuki bidang-bidang yang banyak buruh asing.

Kita juga rugi dari segi keselamatan negara. Sungguhpun mereka masuk sekarang ini ada lebih kurang 2 juta tanpa senjata apa-apa, tetapi kalau ada yang jahat, tidaklah macam DAP, tetapi kalau ada yang hendak bertindak ganas kepada negara kita, dia beri senjata kepada buruh-buruh asing ini seramai 2 juta dengan senjata, saya ingat akan menghadapi masalah kepada negara.

Sebab itu saya mencadangkan hari itu supaya tentera juga ambil berat tentang ini. Jangan biarkan kepada pihak polis dan imigresen sahaja. Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memberi jaminan supaya tentera ambil berat tentang pendatang asing. Kita ada kapal terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, kita ada kapal Tentera Laut Diraja Malaysia, kita belum pernah mendengar Tentera Laut berjumpa dengan pendatang asing yang datang secara haram. Kita tak pernah dengar lagi.

Cuma yang kita dapati, polis tangkap. Sebab saya tahu, saya tinggal di Kedah, negara jiran kita saya dapat tahu ada kem di mana semua pendatang asing ini dikumpulkan untuk di 'smuggle' ke dalam negara kita. Apakah tindakan kepada sindiket ini? Adakah van atau kenderaan yang membawa mereka itu kita rampas, tidak tersebut di dalam akta ini.

Selain dari itu kita menghadapi masalah sosial. Sampai Yang Berhormat dari Yan pun bangkitkan tentang warganegara kita berkahwin dengan orang Bangladesh, berkahwin dengan orang Indonesia. Saya pun baru-baru ini dapat telefon meminta tolong. Dia kata tidak ada siapa hendak tolong. Dia dapat

anak empat, kahwin dengan orang Bangladesh. Masalahnya sekarang anak-anak itu bagaimana? Kalau dia hendak hantar balik ke negara Bangladesh, rupa pun macam Melayu, isteri pun Melayu, husband Bangladesh, menghadapi masalah.

Ini masalah sosial sebab majikan ataupun sindiket yang membawa masuk buruh-buruh asing ini tidak menyediakan rumah-rumah atau tempat-tempat penginapan, biar dia berselerak di merata tempat. Kadang-kadang dia menumpang. Bila menumpang ini.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat dari Yan bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jiran sebelah pun hendak kacau! [Ketawa] Tak apalah, beri chance!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini fasal kahwin, pertama saya hendak tahu kalau rakyat Malaysia dia hendak berkahwin, pejabat agama hendakkan clarification isteri tua untuk tandatangan dan sebagainya. Tetapi apabila pendatang mai ini, kita tidak siasat dia ini di sana ada berapa orang isterinya dan dia mai menikah di sini. Kemudian bila dia balik, kadang-kadang depa tinggalkan anak-anak isteri macam itu sahaja. Jadi, ini akan menjadi masalah balik. Walaupun imigresen, tetapi ia bersangkutan dengan pejabat agama.

Kemudian satu lagi, ini saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pokok Sena ini, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya baru-baru ini saya dengar ada orang mencadangkan supaya bawa mai isteri depa, depa sudah import isteri juga. Bukan setakat suami, isteri juga bawa mai ke sini. Jadi, pada pandangan saya, ini pun menyusahkan. Lebih ramai, maklumlah ada isteri itu, ramai lagilah anak akan keluar! Jadi, apakah Yang Berhormat ada satu pandangan dan cadangan untuk menyelesaikan masalah ini?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Yang Berhormat dari Yan. Sebab itulah Yang Berhormat Dato'-Dr. Haji Abdul Hamid, Menteri Hal Ehwal Agama itu datang hendak dengar sebab ada kaitan dengan dia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan itu saya percaya pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri memang mengambil berat perkara ini. Kita memang menghadapi masalah. Kalau bawa isteri pun menjadi masalah, tak bawa pun masalah. Kalau

bawa, anak-anak yang dilahirkan di negara ini akan menjadi masalah. Sebab itu kadang-kadang kalau anak-anak kita kalau dilahirkan di Amerika, kanak-kanak itu tidak dapat Visa masuk ke Amerika sebab dia lahir di negara Amerika. Sebab kanak-kanak yang dilahirkandi sesuatu negara itu berhak menuntut warganegaranya, kalau tidak salahlah. Ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial ini memang banyak. Yang kahwin dengan Orang Asli. Dia bukan kira, buruh asing ini dia tidak kira di mana, dia tidak hirau. Kadang-kadang saya tengok dia datang merayu dan minta dari Wakil Rakyat, kita tengok isterinya itu husbandnya macam hero filem Hindustan. Bangladesh ini dia lawa, macam hero filem Hindustan. Tengok kepada isterinya, the marriage of convenience - dia kahwin agar dia dapat duduk tetap di sini. Sebab itu kadang-kadang bila dia dapat kad pengenalan merah sebab dia kahwin dengan anak Ketua Cawangan, kemudian dia belah! The moment dia dapat kad merah, dengan izin, dia tinggalkanlah isteri yang tak sepadan dengan dia itu! Ini pun berlaku.

Jadi, saya mencadangkan dari segi ini, minta Kementerian Dalam Negeri ini supaya majikan-majikan ataupun ejen-ejen yang membawa buruh asing ini mesti menyediakan tempat-tempat khas, jangan beri dia, orang Kedah kata, dok melewak merata ceruk. Duduk, tumpang melilau, menumpang merata rumah.

Jadi, bila dia dok lalu pi kerja itu, dia ternampak anak-anak dara ini yang susah! Jadi, bila sudah terpikat, rupa dia kerja pun ada, yang menjadi masalah kerajaan kita. Apa akan jadi kepada anak-anak mereka ini?

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara tentang kesihatan, dahulu kita sudah tak ada dah, tak berapa ada, malaria pun tak ada, tibi pun tak ada, AIDS pun tak berapa banyak, sekarang ini kita menghadapi masalah, barangkali datang sekali dengan buruh-buruh asing ini. Dia bawa AIDS, dia bawa tibi, dia bawa malaria, dia bawa buta huruf pun ada! [Ketawa] Penyakit buta huruf pun dia bawa mai. Bukan dia tahu baca apa. Lepas itu ada pula orang-orang tua yang membebankan, dia datang secara haram, tak boleh hendak kerja berat, dia minta sedekah, di sebelah Kedah mereka minta sedekah. Kita pula, orang Islam ini kalau sedekah itu kira baiklah! Dia buat jahat banyak, sedekah itu kuranglah sedikit. Macam Yan ini dia hari-hari sedekah. [Ketawa] Dia commit percentage dosa

itu kurang sedikit, jadi, orang kita kira hendak sedekah. Dia tak kira orang itu mai Bangladesh, Burma, jadi, ini menjadi masalah masyarakat kita. Masyarakat kita ini masyarakat yang cukup kasihan, kalau tang orang cukup kesihan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya haraplah, bila kita wujudkan akta ini, banyak perkara yang dapat kita menghalangkan. Pertama sekali, sindiket yang tak bertanggungjawab ini, yang macam saya bangkitkan selalu tentang pasport palsu.

Jadi, saya harap dengan kena tibai empat, lima rotan ini barangkali, tetapi saya takut tak larat hendak tibai, kena seorang enam rotan, kena barang 500,000 orang kena tibai rotan hendak cari siapa tibai tak tahulah!

Jadi, saya harap sindiket ini kita beri hukuman yang berat supaya kita dapat menghindarkan perkara ini. Dan saya juga berharap kita dok cakap kisah buruh asing, kita mesti ingat bahawa mereka ini datang dengan tidak ada agensi ataupun satu badan yang melihat tentang kebajikan depa. Kadang-kadang mereka ini bila sakit, mereka ini diberhentikan kerja dan tidak ada ejen, tidak ada sesiapa yang akan melihat tentang kebajikan mereka ini.

Jadi, saya harap, Kementerian Dalam Negeri ini akan mencari jalan supaya buruh-buruh asing ini

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sekejap ya, beri habis ayat ini. Supaya buruh-buruh asing ini yang menolong kita juga membangunkan negara ini dapat diberi perhatian tentang kebajikan mereka dengan tidak merugikan masyarakat kita sendiri. Ya, sila Sipitang.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dan persetujuan mungkin dari Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena iaitu bahawa ada agensi-agensi yang tidak bertanggungjawab ini yang membawa buruh asing, contohnya, pengoperator perahu ataupun bot yang membawa memang mempunyai pendapatan yang lumayan apabila mereka membawa pendatang asing dan dari satu tempat ke satu tempat, kemudian mereka lepaskan pendatang asing ini supaya mereka mencari perlindungan dan rezeki sendiri.

Begitu juga dengan kenderaan misalnya, kereta sewa, van dan sebagainya, ada yang swasta. Jadi,

apakah Ahli Yang Berhormat bersetuju sepatutnya mereka ini juga didaftarkan dengan Jabatan Imigresen ataupun diambil tindakan di atas perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab ini?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sipitang itu saya harap Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri akan mengambil perhatian dalam hal ini, sebab saya terutama sekali di negeri-negeri jiran di Kedah, di Johor, di Sabah, kita menghadapi banyak masalah ini. Dan saya juga haraplah kementerian ini supaya perkara ini kita dapat mengambil tindakan pertama sindiket seperti yang saya katakan tadi, banyak yang tidak bertanggungjawab.

Tetapi, saya hendak bertanya kementerian ini, bagaimana tentang, dahulu kita ada agensi pekerja, memang ada agensi yang tidak bertanggungjawab, tetapi agensi ini dapat juga menolong kita sedikit sebanyak tentang menjaga kebajikan, tetapi sekarang kita serahkan kepada majikan. Majikan seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan tadi, mana hendak jaga projek, mana hendak jaga kebajikan buruh, kita mesti ada satu badan untuk menjaga kebajikan. Kalau tak mahu ada agensi membawa masuk, sebab saya ingat, kalau tidak salah saya dibekukan tak bawa masuk, kita buat rancangan pemutihan. Tetapi siapa yang akan menjaga mereka ini? Adakah satu badan atau agensi ditubuh khas untuk menjaga kebajikan buruh-buruh asing ini?

Sebab saya percaya kalau mereka ini kita jaga dengan baik, maka sudah tentulah kita tidak akan menghadapi banyak masalah, sebab seperti yang saya katakan tadi, ada juga perkara-perkara yang menguntungkan kita dengan kehadiran mereka ini.

Oleh itu, saya mencadangkan lagi satu perkara, oleh sebab buruh-buruh asing ini dia datang bila sahaja dia dapat kerja, kadang-kadang kerja itu berat, dia lari pergi bekerja di tempat lain. Oleh itu, saya hendak mencadangkan di sini supaya permit mereka ini kita colourkan, kita warnakan ikut negeri. Kedah mestilah warna hijau atau kuning. Selangor warna merah. Perlis kelabu tahi ayamkah atau macam manakah. Jadi, bila mereka ini bekerja di tempat itu, mereka tak seronok, mereka tidak boleh pergi ke tempat lain lagi.

Kita tengok kalau kad mereka warna kuning, ini Kedah punya. Jadi, kita ambil tindakan. Kalau macam sekarang ini dia bawa permit itu dia boleh pergi ke mana-mana dengan kebebasan, kalau dia buat kerja di sini tidak seronok, dia akan pergi ke

tempat lain. Misalnya kalau dia jadi maid, dia berasa tak berapa seronok tentang makanan atau terlalu banyak tugas menjaga anak itu, dia akan lari ke rumah yang lain.

Kadang-kadang dia lari ke luar, kalau dia tak duduk dalam negeri itu. Terutama sekali perkara ini berlaku dalam pekerjaan di kawasan estet ataupun kerja yang berat-berat dalam estet, banyak yang lari, kadang-kadang mereka berniaga di pasar malam. Pasar malam itu pun ada pendatang asing. Sebab itu, saya mencadangkan supaya adakan satu permit khas ataupun kad-kad macam kad pengenalan, tetapi warnakan ikut negeri, macam kereta kita, bila kita tengok 'K' itu, kita tahu dah kereta Kedah. Kita tengok 'P' kita tahu Penang.

Jadi, saya harap kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini. Lagi satu saya minta kementerian ini bila kita hendak buat kad ini pun kita hendak kena satu badan, satu syarikat yang bertanggungjawab, supaya tidak berlaku penyelewengan, kad-kad palsu ataupun permit-permit palsu. Perkara ini telah timbul dan banyak menjadi masalah.

Jadi, saya haraplah sedikit sebanyak yang saya bangkitkan ini akan mendapat perhatian dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kementerian ini yang telah mewujudkan rang undang-undang ini demi untuk keselamatan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tenom

4.19 ptg.

Tuan Radin Malleh [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena mengatakan bahawa terdapat beberapa syarikat yang mempunyai majoriti daripada pekerjaannya adalah pendatang asing dan ini telah mengakibatkan tekanan kepada pekerja-pekerja tempatan kita.

Ini memang betul, saya teringat kepada satu syarikat di kawasan saya yang bernama Au Kam Perdana, boleh dikatakan 80% ataupun 90% pekerja-pekerja asing di sana dan ini mengakibatkan pekerja-pekerja tempatan kita takut untuk bekerja di sana oleh kerana tekanan daripada pekerja-pekerja asing ini.

Apatah lagi kalau ada di antara mereka menakutkan, mereka menunjukkan kad-kad pengenalan yang telah mereka perolehi, dari mana, saya tidak tahu, mengatakan bahawa mereka ini adalah warganegara Malaysia, sedangkan kita tahu bahawa

pekerja-pekerja asing ini adalah datang daripada negara jiran kita sama ada daripada Phillipines mahu pun pendatang daripada Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang merasa bangga kerana kerajaan, hingga ke hari ini telah membuat pindaan-pindaan ke atas Undang-undang Imigresen ini. Saya fikir ini membayangkan bahawa kerajaan sedar dan prihatin tentang, bukan sahaja keluhan dan kerisauan rakyat tentang masa depan mereka di negeri sendiri, bahkan tentang masalah keselamatan sosial di kalangan rakyat dan juga negara kita Malaysia.

Sudah tiba masanya bagi kerajaan membuat kajian terhadap keseluruhan organisasi Imigresen dan bukan sahaja kepada undang-undang ini atau pun Undang-undang Imigresen ini. Dengan jalan ini maka sedikit sebanyak kita akan mengetahui kelemahan-kelemahan sama ada dari segi organisasinya mahupun undang-undangnya dan juga sebagainya, seperti pelaksanaan, misalnya dalam soal masalah pendatang asing tanpa izin di mana sekarang ini sudah pun berleluasa bahkan sudah ke tahap yang tidak boleh dikawal lagi kehadiran mereka di negara kita. Seperti di Semenanjung pendatang asing, terutama sekali dari Bangladesh sekarang ini telah mendatangkan ataupun menimbulkan, bukan sahaja kerisauan tetapi perasaan takut di kalangan rakyat Malaysia di Semenanjung.

Ini kerana kehadiran mereka yang bukan sahaja menimbulkan masalah sosial dan keselamatan tetapi boleh menggugat kedudukan mereka di masa depan. Manalah tahu kalau masalah ini tidak dapat dikawal maka sudah tentu rakyat jati di Semenanjung takut-takut akan menjadi pelarian di negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga halnya di Sabah. Kehadiran pendatang-pendatang asing tanpa izin yang sekian lama di negeri itu sangat-sangat membimbangkan rakyat Malaysia di Sabah. Kebimbangan mereka seperti juga di Semenanjung, bukan sahaja berhubung dengan masalah sosial atau keselamatan tetapi tentang kedudukan mereka - kemungkinan akan tergugat juga dan pada akhirnya mungkinkah mereka akan menjadi pelarian di negeri sendiri. Ini disebabkan ramai sudah di kalangan mereka, iaitu pendatang-pendatang asing tanpa izin sudah menjadi rakyat Malaysia dengan memperolehi kad pengenalan dan seterusnya menjadi pengundi dengan tidak mengikut peraturan-peraturan ataupun peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh undang-undang negara kita.

Kalau ini tidak ditangani, maka saya percaya kebimbangan rakyat Malaysia di Sabah akan lambat laun menjadi kenyataan. Oleh itu, pindaan-pindaan terhadap peruntukan Undang-undang Imigresen ini sangatlah kena dan tepat pada masanya. Namun demikian, pindaan-pindaan sahaja mungkin tidak mencukupi, tetapi apa yang lebih penting ialah pelaksanaan kepada undang-undang itu sendiri. Kalau pelaksanaannya lembab, maka sudah tentu masalah kehadiran pendatang asing tanpa izin ke negara kita tidak dapat diperbaiki malah tidak dapat diatasi buat selama-lamanya. Dalam hubungan ini, saya ingin tahu, bagi pihak rakyat Malaysia di Sabah, apakah langkah-langkah positif dan perancangan kerajaan?

Pertama, untuk mengusir ataupun menghantar balik pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berada di Sabah ke negara mereka masing-masing. Kedua, apakah tindakan dan juga perancangan kerajaan untuk menyekat kedatangan pendatang-pendatang asing tanpa izin yang beria-ia sangat hendak masuk ke negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menekankan apa yang lebih penting sekarang ialah pelaksanaan terhadap peruntukan Undang-undang Imigresen ini kerana dengan adanya undang-undang yang agak ketat pada kali ini tetapi tidak dijalankan oleh pegawai-pegawai Imigresen dan lain-lain agensi kerajaan yang mempunyai kuasa menjalankannya, maka sudah tentu ianya sia-sia sahaja.

Sekian, saya menyokong pindaan-pindaan kepada peruntukan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jelebu.

4.25 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyatakan hasrat untuk bersama-sama membahaskan pindaan Akta Imigresen ini dan saya ingin menyentuh beberapa perkara untuk pihak kementerian mengambil perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan buruh asing sebagaimana yang dibincangkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, kita juga melihat bahawa rata-ratanya permasalahan ini telah begitu memuncak sekali. Walaupun negara kita memerlukan perkhidmatan buruh-buruh asing ini yang didatangkan secara rasmi ataupun yang datang tanpa izin, namun, kita harus melihat kepada permasalahan yang berlaku dan dilakukan oleh mereka.

Kebanyakan buruh asing ini yang datang ke sini memanglah bertujuan untuk mencari makan disamping membantu bagi membangunkan ekonomi negara kita, tetapi rata-ratanya permasalahan yang berlaku hampir-hampir tidak dapat kita atasi di sesuatu tempat ataupun di sesuatu masa. Ini merupakan permasalahan dalaman yang berlaku di dalam Jabatan Imigresen ataupun pihak penguatkuasa itu sendiri. Namun, kadang-kadang oleh kerana sikap tidak bertanggungjawab ejen-ejen yang membawa masuk buruh-buruh asing ini dan juga pihak majikan yang telah menggajikan mereka, kadang-kadang kita lihat bahawa pihak majikan seolah-olah hendak membelakangkan peraturan-peraturan yang sedia ada. Makanya, kita menghadapi masalah. Begitu juga dengan unit-unit penguatkuasaan sama ada di peringkat anggota polis mahu di kalangan pihak-pihak penguatkuasaan di Pejabat Imigresen sendiri.

Apa yang harus kita lakukan ialah, dengan adanya pindaan ini, kita berharap dan mencadangkan agar pihak kerajaan akan bertindak dengan lebih tegas tanpa teragak-agak ataupun hanya memikirkan penggunaan budi bicara bagi mengatasi dan menangani masalah-masalah yang berlaku. Pihak-pihak majikan yang tidak bertanggungjawab haruslah kita berikan tindakan yang setimpal dan juga kalau boleh pekerja-pekerja yang melanggar peraturan tersebut hendaklah di hantar pulang setelah diambil tindakan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat masalah kakitangan ataupun buruh-buruh yang digajikan itu tidak ada kualiti langsung. Apa maksudnya? Umpamanya, bagi mereka yang dikategorikan sebagai pembantu rumah, terdapat di kalangan pekerja-pekerja yang didatangkan oleh ejen-ejen berkenaan langsung tidak tahu tentang cara hendak bekerja, hendak menguruskan rumah tangga, umpamanya. Mereka datang cuma hendak mendapatkan pekerjaan, untuk mendapatkan majikan, tetapi selepas itu tidak membuat kerja. Adalah mustahil sekiranya seseorang yang menawarkan diri sebagai amah ataupun orang gaji, langsung tidak tahu untuk membuat kerja dapur, menguruskan rumah tangga dan sebagainya. Ini banyak terdapat dan kita melihat bahawa pihak yang menguruskan kemasukan mereka ini ataupun yang melatih mereka tidak langsung menjalankan tugas yang sebenarnya.

Ada pihak majikan yang tidak sabar dan dalam masa satu atau dua bulan telah hilang beribu-ribu ringgit dan telah terbuang banyak masa untuk menguruskan pekerja-pekerja dengan pembekal yang berkenaan kerana kakitangan yang berkenaan

menimbulkan masalah - tidak boleh menguruskan rumah tangga di tempat majikannya ia bekerja dan seolah-olah mengabaikan tanggungjawab. Sebab itulah, saya menyarankan supaya ada satu pihak yang benar-benar dapat mengawasi perkara ini. Janganlah kita terlalu lembut untuk memikirkan bahawa pihak yang datang itu memang untuk mendapatkan kerja tetapi tidak ada standard dan kualiti bagi kerja-kerja yang dijalankan sehingga menimbulkan masalah kepada majikan yang telah membuat pembayaran mengikut peraturan sebenarnya dan akhirnya majikan mereka yang rugi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai dengan unit penguatkuasaan di Jabatan Imigresen. Kita memang tahu bahawa jabatan menghadapi masalah. Memang di mana-mana jabatan yang menguatkuasakan undang-undang, kita memang menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Sekiranya negara kita memikirkan masalah keselamatan penduduk yang ada di negara kita ini, makin lama makin terancam dan makin lama makin tergugat dengan kemasukan pendatang asing tanpa izin ataupun dengan izin ini. Kenapakah kita terlalu memikirkan soal untuk menambahkan kakitangan di bahagian penguatkuasaan ini dengan begitu berat sekali?

Saya percaya pelbagai justifikasi telah pun dikemukakan oleh Ibu Pejabat Imigresen tetapi di mana silapnya. Dan setiap justifikasi yang dipinta, yang dikemukakan oleh Imigresen itu memang ada logik dan rasionalnya. Tetapi, apakah masalah sehinggakan anggota penguatkuasaan ini tidak ditambah? Apakah kerajaan mahu lihat seorang anggota penguatkuasaan membuat kerja lebih daripada 8 jam, 10 jam, 12 jam ataupun 24 jam? Mana hendak tahan, Tuan Yang di-Pertua, tidak tahan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan saudara daripada Jelebu. Adakah kemungkinan silapnya adalah dengan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana nampaknya kalau kita membincangkan masalah penguatkuasaan, banyak kementerian menjawab bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam agak perlahan sedikit dalam menangani permohonan-permohonan oleh jabatan-jabatan yang memohon sumbangan kakitangan tersebut?

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, sahabat saya dari Parit Sulong. Saya ingat Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri lebih fahamlah

apa masalahnya. Dan rata-ratanya sebagai bapa kepada perkhidmatan awam kakitangan kerajaan ini, tempat mengadu kita ialah Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri dan SPA. Jadi, mungkinlah kedua-dua jabatan ini harus melihat apa masalah yang sebenarnya.

Kalau Imigresen telah mengutip berjuta-juta hasil kerajaan, apa salahnya kalau kita tambah lagi kakitangan di bahagian penguatkuasaan ini. Ada kerja, ada anggota, adalah kerja. Kalau tidak ada anggota, macam mana hendak kerja? Ini yang kita hairan, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, apa masalah sebenarnya yang berlaku di JPA? Kalau pun kita hendak mengurangkan jumlah kakitangan perkhidmatan awam, janganlah sampai menjejaskan keselamatan negara kita. Betul, kita setuju bahawa anggota yang ada pada masa ini mencukupi tetapi tidak mampu untuk menjalankan tugas yang berlipat kali ganda dalam keadaan sekarang ini. Di pejabat hendak buat kerja, di luar hendak observe, akta hendak dikuatkuasakan, habis macam mana?

Saya, kalau tidak silap di seluruh negara ada 200 lebih sahaja anggota penguatkuasaan imigresen ini. Yang kita hendak kawal seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Apa salahnya, kita fikirkan soal keselamatan ataupun kalau boleh kita fikirkan untuk menambah kuasa kepada anggota keselamatan kita sama ada TUDM, TLDM, Tentera Darat, anggota RELA yang ditubuhkan dan juga anggota-anggota penguatkuasaan yang lain.

Ini yang penting, kenapa kita takut rugi sangat hendak bayar gaji? Sedangkan imigresen merupakan satu jabatan yang menyumbangkan kepada hasil negara dengan pembayaran-pembayaran dan fees yang dibuat. Saya haraplah pihak-pihak yang berwajib, saya difahamkan pihak Jabatan Imigresen sudah lama mengemukakan justifikasi ini. Tetapi inilah masalahnya, kalau Treasury memikirkan perkara-perkara yang melibatkan kewangan, cuba fikirkanlah. Kalau JPA

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Nanti saya habiskan ayat saya, nanti terganggu pak ya. Kalau JPA memikirkan kepentingan keselamatan negara itu lebih utama daripada masalah pertambahan jawatan, fikirkan semula. Saya yakin dan percaya, justifikasi yang dikemukakan oleh jabatan itu amat cantik dan bersesuaian. Tetapi, memanglah dasarnya JPA dan Treasury ini, kadang-kadang dia hendak melihat kesungguhan jabatan itu hendak fight-back dia punya hujah dan juga justifikasi yang dikemukakan. Tetapi, saya berharaplah kedua-dua jabatan dan kementerian ini dapat berunding balik.

Kalau 200 lebih anggota penguatkuasa, macam mana kita hendak kawal seluruh negara? Dan inilah yang dikeluhkan oleh rakan-rakan kita dalam perkhidmatan awam yang ada dalam Jabatan Imigresen sekarang ini. Saya berharap kalau kita hendak melaksanakan undang-undang yang begitu cantik dan menarik ini diubah dari masa ke semasa, saya berharaplah wujudkanlah kerjasama yang sebaik mungkin di antara jabatan-jabatan dalam kerajaan kita ini. Janganlah kita terlalu menindas dan menyusahkan suatu jabatan sehinggakan keseluruhan akta itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Saya memang memahami masalah-masalah yang berlaku dalam kerja-kerja penguatkuasaan ini kerana saya juga, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lebih 10 tahun buat kerja-kerja penguatkuasaan ini, untuk melaksanakan undang-undang. Jadi, kita tahu permasalahan-permasalahan. Dengan adanya kuasa yang dicadangkan ini, saya berharap menteri dan juga Ketua Pengarah Imigresen akan dapat melaksanakan tugas-tugas perlantikan kakitangan dan sebagainya, yang dicadangkan untuk dibuat. Gunakanlah peluang ini, janganlah kita menjadikan jabatan tempat kita untuk melaksanakan peraturan dan aturan ini sebagai tempat yang bermasalah. Tuan, sila. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan ke ataupun

Tuan Yunus bin Rahmat: Hendak beri jalan, sebab dia minta jalan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ingatkan sudah habis berucap.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, saya minta penjelasan sedikit mengenai kemudahan-kemudahan kerana Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kakitangan. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa bukan sahaja Jabatan Imigresen sangat kekurangan dari segi tenaga, tetapi keadaan bangunan tempat mereka bekerja dan juga terutama check point yang terlalu berjauhan sehinggakan terpaksa bekerja lebih masa. Ini perlu diperbaiki agar kakitangan yang sudah pun kekurangan itu di'press' kerja-kerja yang berat tetapi juga dengan keadaan tempat bekerja. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya ini juga diambil perhatian?

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, saya memang bersetujulah dengan permasalahan yang berlaku dalam jabatan sekarang ini. Kadang-kadang kita memang kasihan tengok dia orang ini bekerja. Kadang-kadang memang tidak termampu oleh

kerana tugas-tugas dengan pekiling jabatannya, dengan urusan-urusan dalamannya, dengan tugas yang digariskan sebagai dalam sasaran kerja tahunannya, jadual tugas, fail meja, macam-macam.

Jadi, faktor keselesaan tempat bertugas juga merupakan salah satu faktor untuk menyumbangkan kualiti seseorang pegawai ataupun kakitangan itu ke arah jawatan yang disandang. Jadi, saya amat bersetuju dan kita berharap dengan peruntukan yang diberikan pada tahun hadapan, Jabatan Imigresen atau kementerian akan dapat melaksanakan perkara-perkara yang telah dikenal pasti untuk diubah atau diganti.

Mengenai dengan jawatan penguatkuasaan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengharapkanlah supaya kerajaan memikirkan balik. Kita ada juga unit-unit atau jabatan yang perlu kita kurangkan kakitangannya tetapi tidak semua jabatan harus kita kurangkan. Macam jabatan-jabatan yang berkaitan dengan penguatkuasaan ini tidak harus dikurangkan, malah kita harus menambah lagi bilangan yang sedia ada supaya akta ataupun peraturan yang kita gubal itu akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan masyarakat tidak akan mempersoalkan, menyalahkan jabatan yang berkenaan.

Kita lihat pelbagai tuduhan yang berlaku sekarang ini terhadap Jabatan Imigresen, tetapi mereka tahukah apa masalah dalaman yang berlaku dalam jabatan sendiri? Masalah kakitangan, masalah kewangan, masalah pejabat, masalah alat dan sebagainya. Bukan semuanya Jabatan Imigresen yang baik dan sesuai untuk diduduki, inilah masalahnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita menyarankan supaya perkara ini akan dapat dilihat oleh kementerian supaya ianya akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Satu perkara lagi mengenai dengan peluang ataupun apa yang dilakukan sekarang ini kepada pendatang-pendatang asing untuk mendapatkan peluang jawatan sebagai pemandu teksi, bas dan peluang mereka untuk mendapatkan lesen memandu dan sebagainya. Saya berharaplah kementerian ini akan dapat berunding balik dengan Kementerian Pengangkutan, kalau boleh pemilik-pemilik SPLP dahulu itu janganlah diberikan peluang untuk diuji lesen memandunya. Kerana pada Kementerian Pengangkutan dia tidak ada had, seseorang pendatang ataupun orang luar yang ada dalam negara kita ini, kalau ada Pasport International itu adalah baik, tetapi SPLP kepada pendatang asing ini pun boleh mereka ini diuji dan diberikan lesen

memandu.

Jadi, saya mintalah supaya kementerian ini mengkaji balik kesesuaiannya, kerana Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang kebanyakan mereka yang datang ke sini memang ramai yang telah menjadi pemandu teksi, pemandu bas dan sebagainya, kerana mereka mempunyai lesen memandu, dapat JDL, PSB sebab tidak ada sekatan. Mereka layak untuk diuji dan sebagainya, maka dapatlah lesen. Jadi, kualiti mereka ini sebagai pemandu teksi memang boleh kita pertikaikan, kadang-kadang mereka ini tidak tahupun masalah atau sejarah negara kita ini, tempat-tempat tumpuan ramai, tempat-tempat pelancong dan sebagainya. Mereka kadang-kadang tidak tahu peraturan-peraturan ataupun budaya masyarakat kita di sini. Jadi, perkara ini harus dilihat semula, kerana kebanyakan mereka ini yang datang dan mendapat lesen memandu ini telah menimbulkan masalah, umpamanya pemandu-pemandu bas mini dan sebagainya yang sentiasa menimbulkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi kita berharap Jabatan Imigresen akan dapat mengawasi satu perkara yang mungkin benar sebagaimana yang didakwa, iaitu ada pihak yang menyalahgunakan permit masuk ataupun SPLP yang dikeluarkan oleh Imigresen ataupun pihak-pihak Kedutaan Indonesia sendiri kepada orang-orang tempatan untuk disalahgunakan bagi memasuki tempat-tempat larangan yang dihadkan kepada orang-orang di Malaysia, tetapi dibenarkan kepada orang-orang luar daripada Malaysia, umpamanya pusat-pusat perjudian dan sebagainya. Perkara ini kita dapati memang kedapatan berlaku, tetapi kesahihannya kita tidak tahu dan kita mintalah pihak imigresen akan melihat dan meneliti perkara ini, kerana kita tidak mahu ada orang Malaysia menggunakan nama Indonesia dan memasuki tempat-tempat perjudian ataupun tempat-tempat larangan, di mana yang mengehadkan kemasukan kepada orang-orang Malaysia. Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.

4.45 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia ini adalah sebuah negara yang cukup baik dalam dunia - tidak ada yang lain dah! Dan kita beri pula tarikh

terakhir untuk pekerja-pekerja yang datang tanpa izin ini, untuk mengisi borang dan meminta permit yang sah untuk tinggal di dalam negara kita. Orang yang datang ini, kalau kita tangkap pun kita beri makan, kita bela elok-elok, bubuh dalam tempat elok-elok, itupun ada NGOs yang bangun menentang kerajaan lagi.

Kalau kita tengok di Australia, Tuan Yang di-Pertua, dalam sehari dua ini surat khabar kita mendedahkan mereka marah kepada orang Asia, sehingga students kita itu dimaki-hamun dengan kata-kata yang tidak sepatutnya. Rakyat Malaysia ini bagus.

Hari ini kita tidak memaki rakyat Australia walaupun mereka memaki-hamun budak-budak sekolah atau student kita yang pergi untuk menuntut pelajaran, itu pun rakyat Australia yang kurang ajar dan biadap ini memaki hamun rakyat kita. Walaupun pendatang-pendatang ini kadang-kadang yang memecah rumah, merogol dan sebagainya, kita serah kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Walaupun kadang-kadang kalau kenalah anak kita dirogol, hai! Tidak tahulah, orang kata tenggelam punca juga, undang-undang - undang-undanglah, tetapi kalau anak atau isteri kita yang diperkosakan, kadang-kadang kita lupa diri kita dan kita akan mengamuk.

Saya hendak menyentuh sedikitlah fasal Australia ini dan saya haraplah penduduk Australia yang mula kita tahu asal-usul orang Australia itu bukan baik sangat, Tuan Yang di-Pertua, mereka datang daripada mana, buangan daripada mana, kita tahu, asal-usul orang Australia ini. Asal-usul orang Malaysia ini kita tahu baik-baik belaka. Jadi, saya harap Kerajaan Australia akan menolong untuk membantu rakyat Malaysia atau rakyat Asia di sana supaya tenteram dan jangan diusik-usik lagi. Saya percaya penuh jika mereka usik rakyat Malaysia, saya ingat kita pun tidak akan diamlah, kita pun akan usik rakyat mereka di sini. Kita hendakkan hubungan Malaysia dan Australia baik, kerana dengan kerajaan yang baru ini pun baik juga.

Yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, ini fasal pendatang juga, saya sedikit-sedikit hendak sentuh sahaja. Rakyat keturunan Malaysia yang pergi bermastautin di Australia boleh bangkit bangun dan menyokong salah seorang daripada anggota Parlimen yang menentang rakyat Asia ini. Inikah jenis bangsa ini, yang sudah duduk dan asal di sini, beranak di sini dapat kekayaan di sini, kemudian bermastautin di sana menjadi pula Presiden Persatuan Perniagaan di sana menyokong tindakan

salah seorang daripada ahli Parlimen yang I.Qnya kurang tinggi itu memburuk-burukkan rakyat Asia....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa hubung kaitnya isu di Australia ini dengan rang undang-undang ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini kes pendatang, kes geram pun sama. Jadi, saya merayulah rakyat Malaysia dalam sehari dua ini janganlah pergi Australia, kalau hendak pergi cuti pun, cutilah di negara lain, banyak ada lagi. Okay Tuan Yang di-Pertua, setakat itu kerana hendak buang geram.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita marah juga kepada pendatang, hak yang kelaku tidak elok, hak yang kelaku elok itu pun, Tuan Yang di-Pertua mereka manusia macam kita juga, Tuhan cipta dia di atas muka bumi Allah S.W.T. ini dan mereka datang untuk mencari nafkah untuk menyara anak isteri dan sebagainya.

Di sini saya hendak mengucapkan terima kasihlah kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya Imigresen. Seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu itu memang betul, Tuan Yang di-Pertua, di pejabat beratus orang beratur hari-hari - di pejabat sahaja ini, kemudian kena keluar pula pergi tangkap sana, tangkap sini, kadang-kadang bergaya betul di pejabat, sekejap lagi pengarah dia minta ke Yan pula kerana ada pendatang naik daripada Burma, jadi mereka pergi ke Yan untuk menengok yang datang dari Burma ini.

Tuan Yang di-Pertua, hendak bercakap dengan orang yang tidak tahu bahasa ini lagi susah, macam kita bercakap dengan binatanglah, dia bukan faham. Pendatang yang datang dari Burma, datang dari Bangladesh mereka bukan tahu bahasa kita, bercakap Inggeris tidak faham. Pegawai imigresen kita pula bukan tahu semua bahasa. Jadi, communication itu pun problem juga. Kemudian yang datang pula tidak tahu asal-usul negara pun ada juga, ini lagi mendatangkan masalah kepada kita. Oleh itu, saya ingat ejensi-ejensi yang dilantik oleh kerajaan yang diberi peluang oleh kerajaan ini dia kena menggunakan kebijaksanaan mereka ini, kebaikan mereka ini dengan organizekan betul-betul, barangkali sebelum mereka masuk ini, adakan pusat latihan dan sebagainya. Ejensi ini berpakatliah di antara 3 atau 4-5 ejensi form macam syarikat memandu kereta lesen L ini, mereka tubuhkan satu kumpulan, latihlah elok-elok, naik bukit, turun bukit,

semuanya belajar dalam kawasan itu menggunakan kereta yang ada lampu di atas dan sebagainya.

Saya hendak mencadangkan supaya ejensi-ejensi ini pakat elok-elok, buatlah satu khemah di mana bila mereka datang masuk quarantine dalam itu atur elok-elok, cara mereka, budaya mereka di Malaysia macam ini -macam ini perangai. Saya tidak mahu satu hari nanti Malaysia akan menjadi tempat macam di Kedah ada mini Chittagong, atau mini Hadyaai di Alor Setar, saya tidak mahu, berkeliaran orang Bangladesh.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, tourist datang ke Malaysia dia seronok, pukul 2.00 pagi dia boleh turun dari hotel pergi makan di tepi jalan. Saya takut satu hari nanti macam kita pergi di setengah-setengah negara hendak sua kaki pun tidak berani pada sebelah malam, disambar kasut, itu baru sua kaki, kita belum sua tangan lagi. Jadi, yang ini kita kena jaga. Saya hendak menyarankan ejensi-ejensi ini berpakat membuat satu tempat training centre untuk melatih pendatang-pendatang ini, bubuh di situ dalam sebulan dua, kemudian lepaskan mereka pergi kerja elok-elok, sama ada di rumah orang ataupun di tempat-tempat yang tertentu. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, mereka bawa masuk, kemudian lepas, macam kita buka kandang lembu, dia pergi bukan dia kira lagi, petang baru dia balik.

Jadi, ini yang kita bimbang, sudahlah masalah sosial dalam negara kita ini pun cukup banyak, mana dengan dadahnya, mana dengan macam-macam, setiap hari polis pergi menangkap, tak larat hendak tangkap lagi. Ini datang pula dengan masalah-masalah lain, sekurang-kurangnya kalau pendatang ini diberi satu gambaran tentang Malaysia, budaya orang Malaysia macam mana, budi bahasa orang Malaysia macam mana, jangan usik anak-anak dara orang, jangan usik isteri-isteri orang, kalau hendak buat elok-elok, pergi jumpa orang tua, pakat elok-elok rujuk pada agensi dan agensi boleh tolong. Kalau ada sistem macam ini saya ingat tidak ada masalah.

Jadi inilah saya harap ejensi yang untung daripada hasil bawa masuk-keluar manusia ini, keuntungan itu dilaburkan sedikit untuk diadakan satu pusat atau khemah latihan yang tersusun bagi mereka ini. Kerana kita kalau tidak ada orang-orang luar ini pun, kita menghadapi masalah kerana negara kita membangun dengan begitu pesat. Saya tidak mahu jadi macam satu negeri seperti negeri Arab ini, satu negeri kecil pendatang lebih ramai dari rakyatnya. Takut satu hari nanti dia akan -macam kita kalau tidak betul jadi macam Fiji dahulu,

Tuan Yang di-Pertua. Orang lain naik ambil dia, mampus kita. Kita tak dapat hendak kawal.

Jadi, saya harap, yang daftar pada 1hb. Ogos - sudah ada 449,565 orang. Itu yang sudah daftar tetapi saya tengok yang banyak ini kerja di kilang, 204,000 kerja di kilang. Jadi, yang ini pun masalah, Tuan Yang di-Pertua, bila bekerja di kilang mungkin juga saya setuju dengan Pokok Sena, sindiket-sindiket yang akan wujud di mana orang-orang kita ini hendak masuk kadang-kadang sudah tidak boleh. Jadi, ini satu masalah lagi.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, ejensi-ejensi ini pun dia kenalah timbang rasa. Ada dua, tiga kes yang saya dimaklumkan dan banyak lagi kes lain di mana pekerja ini kadang-kadang dia kerja sampai dekat 2 tahun pun tak dapat balik modal lagi. Kesian depa ini ada anak bini di kampung, yang perempuan ada laki di kampung, hak laki tu ada bini di kampung. Depa pun kena hantar duit balik juga dan hari ini baru ini lebih kurang RM2 bilion duit kita mengalir keluar dari Malaysia daripada pendatang-pendatang ini dia hantar duit balik ke kampung.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ada yang tidak langsung, yang kadang-kadang itu orang Islam bekerja di rumah bukan Islam. Jadi, macam-macam masalah lain timbul. Jadi, saya minta kalau boleh Pejabat Imigresen, tetapi Pejabat Imigresen pun pegawai tidak cukup dan sebagainya. Kadang-kadang depa pergi dua orang sahaja, harap polis, hendak isi borang tangkapan itu pun jenoh sampai ke subuh.

Jadi, yang ini pun masalah juga, kesian pada depa ini. JPA ini pun masalah juga, yang close service dia dok ghalit, hak yang PTD, depa percepatkan sangat. Bukanlah saya hendak marahkan PTD, PTD pun baik. Tetapi pakat-pakatlah, pi mai pun kakitangan kerajaan, jangan kiralah imigresenkah, kastamkah, polis dan sebagainya. Kita sebagai satu badan menyelaraskan kakitangan kerajaan ini kena seimbang, yang mana cepat buat, kita buat cepat-cepat supaya selesai masalah-masalah tenaga ini.

Rang Undang-undang kita boleh lulus, sebentar lagi kita luluslah tetapi nak implementkan undang-undang ini yang menjadi masalah kerana kakitangan tidak cukup. Akhir-akhirnya orang marah kepada jabatan itu sendiri. Hak yang kata "Apa Imigresen tak buat kerja ini", hendak buat kerja macam mana. Pegawai penguatkuasa berapa ribu, ratus orang hendak tangkap dua juta orang. Seorang pegawai berapa orang hendak jaga. Tidak larat hendak kepong. Kita ada anak empat pun tak dapat kepong, bukan 'Kepong' ini. Kepong makna kawal. Bahasa, nak buat macam mana.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi macam saya kata tadi, welfare. Pastikan mereka ini, pendatang-pendatang ini bila tamat khidmat, ejensi ini bertanggungjawab. Jabatan Imigresen kalau boleh check dengan ejensi ini, kalau dia bawa masuk 1,000 orang, 1,000 orang ini pergi ke mana? Dia daftar semula, ataupun dia check balik dengan ejensi ini. Bermakna ejensi ini kena bertanggungjawab sepenuhnya untuk meringankan beban Jabatan Imigresen untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Jadi, ejensi dia kena bantu barangkali enam bulan sekali dia kena hantar return kepada Imigresen untuk memastikan hak yang dia bawa masuk ini, pekerja-pekerja dia bawa masuk ini, kita tahu di mana dia berada. Jadi, kalau timbul masalah-masalah, berlaku benda-benda yang tidak diinginkan, kita boleh trace terus daripada ejensi ini dan ejensi ini dia kena kenal pasti negeri yang dia bawa masuk itu duduk di mana dan apa masalah-masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tentang kita bawa masuk bagi kerja ini, saya hendak tahu kementerian, kita ada had apakah jenis pekerjaan? Yang saya tahu peladangan, perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, pembantu rumah dan lain-lain. Hak lain-lain ini jenis apa, yang kita hendak tahu ini 17,000 ini, hak lain-lain buat kerja apa? Kita takut sekarang ini, di karaoke pun depa, di sana pun depa kemudian segala kerja-kerja ini pun depa ada. Jadi 17,000 ini, lain-lain ini buat kerja jenis apa, kita hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Pasal kadang-kadang tengok kena tangkap ini, bila malam-malam kena rate. Baguslah saya hendak ucap tahniahlah Timbalan Menteri pun dia pergi tangkap juga, dia pergi tangkap pendatang haram satu malam tu, pukul dua, tiga pagi pergi tangkap. Jadi bagus, sampai Timbalan Menteri pun turun buat kerja bermakna pegawai-pegawai Imigresen tidak cukuplah, tu kena tambah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu kita kena had jenis kerja yang perlu kita bagi kepada pendatang asing macam tadi, bawa teksi. Kalau dia bawa teksi, Tuan Yang di-Pertua, naik tourist dia hendak mai Malaysia, tourist tanya tentang Kuala Lumpur, dia bukan tahu. Kalau tourist tanya tentang sejarah Malaysia, dia pun tidak tahu. Jadi, dia hendak cerita macam mana, sebab itu saya kata tadi kena wujudnya tempat latihan dan sebagainya untuk mereka.

Dan begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan supaya yang kita tangkap-tangkap ini kita letakkan di tempat yang sesuai

kerana biasa, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya naik dua, tiga kali dah. Sebelah Yan ini, Tuan Yang di-Pertua, macam saya katalah 'Mini Switzerland' jadi pendatang pun seronok sangat. Dia datang, dia nak pergi Tanjong memang tak sempat, pergi Pulau Pinang naik di Yan, bila naik di Yan, Tuan Yang di-Pertua, daripada Yan hendak bawa keluar kadang-kadang makan masa sampai 2 minggu. Kemudian di Yan ini, kita tidak ada tempat yang hendak bubuh depa ini, hendak bubuh di dewan, kita buat function selalu. Ceramah itu, ceramah ini, jadi, depa ini duduk di bawah tempat parking motosikal di balai polis sahaja.

Jadi, kalau hujan turun kena tepiah. Kita kalau tengok pun kesian juga. Tepiah ini tempias. Jadi kita kesian juga depa ini. Jadi, saya harap kalau boleh kementerian, kita cari tempat yang sesuai untuk letakkan mereka dan mana yang patut hantar balik, kita hantar balik dan yang mana yang tak patut kita hantar balik, kita hendak pakai dia, guna dia, kita guna secara tersusun dan teratur.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, lagi satu dari segi kes-kes jenayah yang berlaku di negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah pihak polis, imigresen dan sebagainya supaya mengambil tindakan kerana Tuan Yang di-Pertua, kes-kes ini sekarang ini memang, kadang-kadang kes-kes rogol ini orang tidak berani lapor pun ada, dia berasa susah hati. Ini dia lapor, rosak hidup dia dan sebagainya.

Jadi, ada kes-kes yang berlaku di luar pengetahuan dan orang tidak mahu buat laporan dan sebagainya dan saya berharaplah macam baru ini saya dengar, depa kata bawa masuk daripada India lagi pasal masak, masak nasi kandar semua. Sebenarnya, kalau benda ini tak perlu, hak dalam negeri pun ada, Tuan Yang di-Pertua, di India, saya dah pergi. Madras roti canai pun tidak ada, tak sungguhpun kemudian nasi kandar pun tidak ada, tak ada nasi kandar semua ini macam mee, mee jawa. Di Jawa bukan ada mee, di Malaysia ada mee, mee jawa sungguhpun.

Jadi, jangan kerana benda-benda macam ini kita nak longgar bawa masuk. Jadi kita bagi rakyat tempatan kita peluang pekerjaan, dah tak ada kalau kita nak bawa masuk, kita bawa masuk dan kita juga minta dan menyeru kepada pendatang-pendatang ini mengenang budi, mengenang budi rakyat Malaysia yang menerima mereka ini sebagai keluarga, apatah lagi kadang-kadang mereka ini keturunan orang Islam. Dalam Islam ini kita kena eratkan silaturahim.

Jadi, kita minta mereka ini buat perangai elok-elok, buat perangai elok, kalau hendak anak dara

orang pun datang memiming elok-elok. Kita boleh tolong, wakil rakyat pun boleh tolong. Orang hendak buat masjid bukan susah. Kita boleh tolong tetapi kita mahu depa ini bertimbang rasa, berterima kasih kepada kerajaan Malaysia, berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang tolong mereka ini memastikan mereka mendapat tempat yang sewajarnya.

Dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mungkin pihak kementerian juga dapat mencari satu formula di mana pendapatan-pendapatan mereka ini yang begitu banyak kita cuba reinvestkan balik duit ini ke dalam negara kita sebelum mereka hendak hantar balik. Kalau tidak kita katalah duit yang keluar RM2 bilion setahun, itu cukup banyak. Ini akan menjadi masalah juga kepada kita di masa akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya harap dan juga saya mengharaplah kes Australia ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau student kita di sana menghadapi tekanan lagi, kita harap kerajaan, saya bersetuju dengan surat khabar yang saya baca tadi, Yang Berhormat Menteri, kalau celaru kita tarik balik student kita.

Begitu juga di India, Tuan Yang di-Pertua, student kita di sana, pergi sana sebagai pelajar sampai hari ini result tak keluar lagi, saya bercakap di Dewan Rakyat, 20 haribulan date line, kalau tidak dapat keputusan mereka tidak boleh seat for another paper, 85 student kita yang tersadai, pagi ini mereka telefon saya, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang saya ambil chance hendak bercakap dalam Dewan Rakyat ini.

Macam-macam masalah kalau tidak boleh tarik balik, jangan dok hantar. Ini Bangla Universiti ini, tarik balik, bukanlah kita tidak iktiraf tetapi masalah student kita. Bila balik kurikulum pun tak sama dengan universiti kita di sini, depa sembelih lagu lain, kita lagu lain, bahasa lain semua.

Jadi, student kita dah strained ini, dah telefon saya macam nak teriak, Tuan Yang di-Pertua, saya kata "hang sabar, tengah hari ini kalau Speaker bagi saya bercakap, saya nak bercakap dalam Dewan". Saya mintalah JPA, siapakah yang ada hari ini bukan Imigresen, ini bukan kena mengena Imigresen. Menteri tolonglah sikit, menteri ada, timbalan menteri pun ada, Dato' Abang dia pun bagus. Menteri yang tidak pernah tak senyum, senyum selalu. Tolonglah. 85 student Malaysia di India, di Bangla Universiti, Fakulti Perubatan sampai hari ini tidak dapat keputusan peperiksaan, 20 haribulan tarikh mutakhir. Kalau depa tidak dapat juga

keputusan mereka ini tidak boleh menduduki peperiksaan yang berikutnya dan ini akan merugikan Kerajaan Malaysia sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya kira ini di luar kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini atas perikemanusiaan, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun berterima kasih, Tuan Yang di-Pertua pun beri saya laluan, buat tak mengerti sat ni. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sipitang.

5.00 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit di dalam Akta Imigresen (Pindaan) 1996.

Memang kita ucapkan tahniah kepada kerajaan untuk meminda ataupun memutuskan akta ini yang mana untuk meningkatkan prestasi dan juga keupayaan Jabatan Imigresen. Memang kita tahu bahawa Jabatan Imigresen ini salah satu perkhidmatan kaunter yang tersibuk di negara ini. Kalau kita lihat di mana-mana jabatan, saya ingat nombor tiga yang paling sibuk setelah hospital dan juga nombor ekor. Kalau di Kota Kinabalu, nombor ekorlah yang paling sibuk dan juga di JPJ - Bahagian Pembaharuan Lesen.

Memang kadang-kadang kita melihat bahawa kakitangan ini memang mempunyai kerja-kerja yang begitu banyak dan kadang-kadang kita kesian mereka ini duduk di situ dalam satu hari untuk melayan berbagai-bagai masalah, terutama sekali sejak akhir-akhir ini, pendaftaran pekerja-pekerja asing. Jadi, saya ingat memang wajarlah bahawa kakitangan Jabatan Imigresen ini ditambah.

Memang kemudahan-kemudahan Jabatan Imigresen ini perlu ditambahkan di mana suasana kerja yang lebih baik, ruang-ruang pejabat yang mencukupi daripada keadaan sekarang yang sesak. Saya ingin menyentuh satu keadaan iaitu di kawasan Parlimen saya iaitu dalam perjalanan melalui Jalan Pan-Borneo dari Kota Kinabalu hingga ke Kuching di mana jalan ini melalui sekurang-kurangnya empat sempadan iaitu jalan ini melalui Sabah, Sarawak dan kemudian dari Lawas-Terusan. Jadi ada sempadan di situ iaitu Terusan - Temburung, satu sempadan antarabangsa.

Kemudian, dari Temburung ke Limbang, kalau kita faham sistem geografi, dari Temburung ke

Limbang, satu sempadan balik masuk ke Malaysia. Kemudian dari Limbang ke bandar Seri Begawan, satu sempadan lagi. Kemudian, dari Brunei iaitu di Kuala Belait ke Miri, satu sempadan lagi. Jadi, sesiapa yang ingin ke Miri ataupun ke Kuching dengan memandu kereta pada masa ini boleh memandu sekurang-kurangnya melalui empat sempadan. Tiap-tiap sempadan itu perlu dua cop imigresen - satu di sempadan Malaysia dan satu di Brunei.

Jadi, kalau pergi balik dari Sabah hingga ke Kuching, sekurang-kurangnya lapan kali pasport dicop. Jikalau balik semula ke Kota Kinabalu ataupun ke Sabah, kita perlu lagi lapan kali cop. Jadi, sekurang-kurangnya 16 kali cop pasport ini.

Jadi, copnya ini lebih kurang satu muka satu cop. Jadi, dengan keadaan sekarang ini, kalau 16 kali cop, sekurang-kurangnya 4 muka ataupun 6 muka pasport selesai. Jadi, sebab itulah saya bangkitkan satu masa dahulu bahawa kita mintalah Jabatan Imigresen ini pindalah cop pasport ini yang kecil sahaja. Mungkin yang berbentuk bulat macam cuit 10 sen untuk menjimatkan ruang. Mungkin ini salah satu taktik Jabatan Imigresen mencari duit untuk mempercepatkan penjualan buku-buku pasport ini supaya cepat habis kerana sekarang ini harganya lumayan.

Tetapi soal itu bukan masalah cop pasport ini, tetapi sistem keadaan di sempadan yang ada sekarang ini. Oleh kerana jalan ini jalan utama, kalau kita lihat yang melalui sempadan ini kalau kita duduk di tepi jalan, satu hari tidak kurang daripada 30 hingga 50 buah kenderaan dari Brunei Darussalam, Sarawak ataupun Sabah yang melalui sempadan ini. Bila hari-hari cuti umum, beratus kereta lalu di sempadan ini. Akibat keadaan ini, yang mana pada masa ini kakitangan yang duduk di pondok imigresen di sempadan-sempadan itu adalah terhad. Kadang-kadang seorang sahaja. Kemudian, tempat yang mereka duduk itu pula tidak selesa. Pondok dengan keadaan yang panas. Maklum sahajalah di kawasan itu tidak ada elektrik di mana sempadan-sempadan ini ditempatkan.

Kemudian, koordinasi dengan Jabatan Imigresen negara jiran iaitu Brunei Darussalam seolah-olah tidak wujud. Jadi, wujudlah satu keadaan kelam-kabut di mana pemandu-pemandu ini berbaris sehingga seratus kereta dan ada satu-satu sempadan itu sehingga mengambil masa tiga hingga empat jam barulah selesai pasport mereka dicop. Sudah tentu perkhidmatan sebegini kita rasakan satu perkara yang perlu diperbaiki dan diperbetulkan kerana kalaulah keadaan seperti ini memang diketahui oleh

pelancong-pelancong yang sekarang ini semakin popular memandu dari Kota Kinabalu ke Kuching, bila mereka melalui ini, keluhan mereka adalah sistem perkhidmatan kita yang tidak efisien di sempadan tersebut dan ini tentunya mengambil masa. Sepatutnya, kalau empat sempadan, tiap-tiap sempadan mengambil masa 2 jam. Empat sempadan yang dilalui sekurang-kurangnya 8 jam mereka berada di situ. Sebab itulah perjalanan mereka mengambil masa yang lama.

Jadi, saya merayulah kementerian melihat perkara ini dan menempatkan kakitangan dan juga kemudahan supaya imej Kerajaan Malaysia dan juga keadaan sempadan dan juga keadaan suasana kakitangan yang bekerja di kawasan tersebut diperbaiki.

Begitu juga dengan daerah-daerah di mana persempadanan ini, misalnya di kawasan Parlimen saya iaitu di kawasan Sipitang, memang ada operator-operator bot yang membawa penumpang-penumpang, sama ada dari Sipitang ke Brunei dan juga dari Brunei ke Sipitang, sedangkan pejabat imigresen setakat ini tidak dibuat di kawasan jeti tersebut.

Jadi, mereka yang ingin mengecop ataupun membuat pemeriksaan pasport ini terpaksa ke pejabat imigresen yang lebih kurang 1.5 kilometer jauhnya dari jeti tersebut. Jadi, ini begitu menyusahkan, lebih-lebih lagi apabila perahu-perahu ini datang selepas waktu pejabat, iaitu pukul 5.00, pukul 6.00 ataupun malam, mereka terpaksa menyimpan pasport di rumah dan pasport ini kadang-kadang terlupa dicop dan terpaksa dicop di Kota Kinabalu ataupun di tempat lain. Jadi, seolah-olah kita ini tidak ada sistem kawalan. Jadi, maknanya kita ini menggalakkan pendaatang-pendatang dari luar ini tidak diperiksa dan keadaan begitu polos. Saya ingat begitu juga dengan keadaan di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini perlu diselesaikan. Saya ingat bukan sahaja di Sipitang, tetapi juga keadaan-keadaan di tempat lain di sebelah Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Kudat dan sebagainya. Perkara-perkara seperti ini "point of entry" ataupun pusat masuk utama mesti diadakan kemudahan, kalau pun tidak 24 jam, sekurang-kurangnya sehingga lewat malam dan sebaiknya 24 jam.

Saya ingin menyambung semula tadi. Begitu juga dengan di Sarawak-Brunei ini yang perkhidmatannya cuma pada waktu pejabat sahaja. Selepas waktu malam, tidak ada. Jadi, penumpang

atau pemandu terpaksa menunggu untuk melalui sempadan tersebut pada hari esoknya dan ini tentunya membebankan, lebih-lebih lagi jikalau ada perkara-perkara kecemasan yang perlu kita buat. Jadi, saya ingat Jabatan Imigresen harus melihat perkara ini supaya diselesaikan.

Mengenai dengan pendatang asing iaitu mereka yang ingin diberikan pas kerja. Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, setakat ini banyak ladang-ladang, nelayan-nelayan, kilang-kilang dan juga mereka yang ingin mengambil pembantu rumah tidak begitu jelas kedudukannya sekarang ini. Apakah dasar baru kerajaan supaya perkara ini diselesaikan secepat mungkin? Kerana banyak ladang kecil, khususnya yang mempunyai ladang-ladang koko, banyak buah koko ini tidak dikutip oleh kerana tidak cukup pekerja. Tentunya duit yang jatuh bertaburan di bawah pohon koko itu dapat diambil sekiranya masalah pekerja-pekerja ini diselesaikan.

Memang betul keadaan di Sabah bahawa buruh-buruh kita tidak cukup dan anak-anak tempatan seperti juga di Semenanjung, mereka tidak mahu bekerja di ladang-ladang, oleh kerana dikatakan mereka tidak mahu kena panas, tidak mahu kerja-kerja berat dan yang mampu menjalankan tugas ini cumalah pendatang asing baik daripada Indonesia ataupun daripada Filipina. Tetapi, kalau soal pengambilan pekerja ini dilambatkan, dasarnya tidak jelas, maka agak sukar.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang ini bahawa kita dapat tahu pendatang ini didaftarkan di ibu pejabat di Kota Kinabalu sahaja, mereka ini diisikan borang dan didaftarkan oleh majikan mereka. Dan ini tentunya menimbulkan banyak masalah, oleh kerana negeri Sabah yang begitu besar dan tidak semua daerah ada pejabat Imigresen, sedangkan pekerja-pekerja ini diperlukan di seluruh daerah.

Saya ingin mencadangkan yang pertama, supaya pejabat-pejabat Imigresen ataupun wakil-wakil untuk mendaftar pekerja asing ini ditubuhkan di semua daerah, supaya satu daftar juga ada di daerah dan daftar daerah ini bolehlah dirujuk kepada ibu pejabat. Ini bertujuan, yang pertama, memudahkan majikan yang perlukan buruh-buruh asing ini untuk bekerja di ladang mereka. Misalnya, sekarang ini, orang-orang kampung pun sudah pandai untuk memelihara buruh-buruh asing ini untuk menggunakan khidmat buruh asing ini. Misalnya pekebun getah yang mempunyai kebun sekitar 20 ke 30 hektar, mereka tidak mampu lagi untuk menoreh getah tersebut, kerana belia tempatan tidak

begitu berminat dan anak-anak mereka sudah mempunyai pelajaran yang lebih baik bersekolah dan bekerja di kota ataupun di pejabat. Jadi, getah-getah ini terbiar. Salah satu alternatif untuk mereka mengeluarkan hasil getah ini adalah dengan menggunakan buruh asing. Tetapi, mereka mempunyai masalah oleh kerana sistem kita tidak teratur yang mana mereka kebanyakannya memang ada, saya memang tahu ada peladang-peladang kecil ini menyimpan buruh-buruh asing ini secara haram.

Jadi, akibatnya, pendaftaran buruh asing ini tidak teratur kerana mereka terpaksa juga mendaftar di Kota Kinabalu. Jadi, ada baiknya kalau di setiap daerah diadakan pejabat Imigresen khas untuk pendaftaran pekerja asing ini. Dengan ini juga mereka ada mendaftar.

Yang kedua, ini bertujuan untuk mendapat tahu siapakah yang membela buruh-buruh asing ini? Siapakah yang menjadi tuan punya buruh-buruh asing ini? Ini dapat merekodkan semua senarai nama buruh asing dan jikalau ada terjadinya kes-kes kriminal ataupun pecah rumah, mencuri dan sebagainya, kita boleh semak secepat mungkin oleh polis daerah, siapakah tuan punya buruh ini yang melakukan kesalahan dan jikalau mereka ini melakukan kesalahan tentunya cepat kita rujuk kepada tuan punya buruh ataupun penjamin yang diwujudkan di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah perkara ini dapat diselesaikan di peringkat daerah kerana kalau kita biarkan mereka ini berada tidak teratur, tidak terdaftar, maka tentunya agak susah untuk kita menyelesaikan masalah khususnya yang berkaitan dengan kes-kes kriminal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan sistem yang ada sekarang bahawa penghantaran balik buruh-buruh asing ini, saya ingat kita perlu menawarkan siapa yang ingin mendapatkan buruh asing, mereka boleh menjamin, diberikan kelonggaran untuk menjamin dan didaftarkan secara sah sebelum dihantar pulang. Jikalau ada penjamin, mereka bolehlah bekerja dengan penjamin atau yang mengambil mereka bekerja, kerana selama ini sistem penghantaran balik, apabila ditangkap oleh penguatkuasa, kita tangkap pagi, kita himpulkan di pejabat Imigresen, di lock-up, kita sewa kapal beratus ribu ringgit, kemudian kita beri mereka makan, kemudian kita hantar di pulau negara jiran yang berdekatan. Sebelah pagi kita hantar mereka, mungkin sampai di pulau negara jiran berdekatan, bila mereka turun, kapal pun pulang dan sebelum sempat kapal yang menghantar mereka pulang ke negeri Sabah, mereka sudah ada membeli-belah di

pekan-pekan di Sabah. Jadi, mereka lebih cepat pulang daripada kapal yang menghantar mereka.

Saya rasa, satu sistem yang lebih efisien mestilah dibuat diselesaikan untuk mengatasi masalah ini. Sistem yang ada sekarang ini mungkin tidak berkesan, jadi mestilah alternatif ataupun cara-cara lain untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya ingin menyentuh tadi soalan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena bahawa kebanyakan pendatang, dengan tidak adanya sistem kita yang teratur bahawa keadaan kelam-kabut ini telah diambil peluang ataupun ada orang-orang yang menanggung di air keruh, di mana bila pendatang asing ini datang ke Sabah tentunya ada operator atau pemandu van, pemandu teksi, operator perahu, bot yang sengaja mengelak daripada penguatkuasa, kerana bila mereka membawa buruh-buruh asing ini, mereka ini dalam ketakutan dan ini diambil peluang oleh pemandu-pemandu ini. Berapa sahaja wang yang mereka minta, berapa sahaja tambang yang mereka tuntutan, tentunya dibayar oleh pemandu van, pemandu teksi, pemandu bot, kerana mereka tahu ini satu sumber pendapatan mereka. Dan mereka menghantar ke destinasi tertentu dan mereka lepas dan tanggungjawab mereka selesai dan mereka dapat duit upahan ataupun tambang yang dikutip.

Jadi, saya ingin memohon dengan jabatan bahawa kita juga mintalah kepada pemandu atau operator bot ini supaya diberi taklimat, diberitahu supaya mereka apabila membawa pekerja yang sah ataupun yang tidak sah ini, haruslah memberi kerjasama juga kepada penguatkuasa, kerana selalunya mereka terlepas dan mereka tidak diambil tindakan di atas perkara yang mereka lakukan ini.

Jadi, kalau bolehlah perkara ini diambil tindakan yang serius dan kesalahan mereka juga direkodkan kepada mereka misalnya operasi pelesen teksi ataupun perahu ini supaya lesen mereka disenaraihitamkan ataupun digantung sekiranya mereka mengendalikan operasi sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara yang disarankan tadi dapat diambil tindakan untuk melicinkan penyelesaian masalah yang wujud. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang.

5.18 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Akta Imigresen (Pindaan) yang dibawa pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu bahawa sama ada diakui atau tidak oleh Kementerian Dalam Negeri, jumlah kedatangan pendatang asing ke negara ini sama ada yang dapat didaftarkan oleh kerajaan ataupun yang masuk secara haram dan tidak berdaftar dengan negara ini dan sebahagiannya dikesan oleh kerajaan, sebahagiannya masih belum dapat dikesan, berjumlah hampir tiga juta orang. Berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia yang mencecah angka 20 juta, jumlah ini adalah merupakan suatu jumlah yang cukup menggerunkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah kedatangan mereka ini sebahagian besarnya akhir-akhir ini telah menyebabkan menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak kerajaan dan kepada penduduk tempatan. Kepada penduduk tempatan, mereka ini telah menjadi suatu ancaman yang secara langsung dari segi peluang untuk mencari pekerjaan dan juga menimbulkan masalah sosial yang lain.

Sejak akhir-akhir ini pelbagai cara telah dilakukan oleh kerajaan dan kita mengucapkan terima kasih di atas cara-cara yang telah diambil ini. Misalannya, pada suatu masa dahulu dari segi pekerja yang datang ke negara ini secara rasmi, mereka ini telah dikenakan levi dan kita telah berjaya memungut mengikut kenyataan daripada Kementerian Dalam Negeri berjumlah RM650 juta satu tahun daripada levi yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya jumlah pungutan levi yang dipungut oleh kerajaan ini tidak boleh dilihat sebagai satu hasil kepada kerajaan. Kalau kita menganggap pungutan levi ini sebagai satu hasil dan kita mengetepikan aspek-aspek lain, maka ianya akan berupa suatu hasil dan masalah ini tidak akan selesai. Saya menyeru kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, hasil daripada levi yang kita pungut sebegitu banyak tiap-tiap tahun, kita channelkan, gunakan wang ini sepenuhnya untuk menangani masalah pendatang asing di negara ini.

Salah satu masalah yang paling ketara yang perlu ditekankan oleh Kementerian Dalam Negeri ialah penguatkuasaan undang-undang. Ini nyata, saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun turun ke gelanggang dalam minggu lepas; saya tengok Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri turun untuk membanteras masalah ini. Kedudukan geografi negara kita ialah sedemikian rupa menyebabkan pesisir pantai kita terdedah kepada kedatangan mereka ini. Tentulah dengan penguatkuasaan yang sedia ada, bila kita kata masuk ikut Pelabuhan Kelang, ikut Melaka, sempadan

negeri-negeri Malaysia Barat di sebelah utara, Sabah, Sarawak dan sebagainya, ruang untuk mereka masuk secara haram ini cukup terbuka luas. Oleh yang demikian, perkara yang paling penting kita tekankan ialah masalah penguatkuasaan.

Bila kita sebut masalah penguatkuasaan, satu perkara nyata ialah masalah kekurangan kakitangan, khususnya polis, Imigresen dan sebagainya yang boleh menguatkuasa untuk menjaga perairan dan pantai negara kita daripada menahan mereka ini masuk, yang menyebabkan mereka ini kadangkala boleh masuk dengan senang. Hari ini kita hantar mereka sampai ke sebelah sana, besoknya naik tongkang, tiba pula. Jadi, masalah ini berpanjangan. Sebab itu saya minta, kalau boleh Kementerian Dalam Negeri mengatasi masalah penguatkuasaan ini dan tentulah bila bercakap mengenai masalah kekurangan kakitangan, Kementerian Dalam Negeri, khususnya pengwujudan jawatan-jawatan baru akan mempunyai laluan yang sukar dengan JPA dan sebagainya - peruntukan tidak ada dan sebagainya. Bagaimana kalau pendapatan RM650 juta dari levi ini kita gunakan sepenuhnya untuk menyelesaikan masalah ini, sama ada masalah penguatkuasaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah masalah persefahaman dengan negara-negara yang kita kenal pasti mempunyai rakyat yang ramai masuk ke negara ini. Secara khusus saya sebut, pertamanya, misalnya Thailand, negeri-negeri berjiran, kemudian Indonesia dan Filipina iaitu negeri-negeri yang jumlah pendatang asingnya datang ke negara ini cukup ramai. Sekarang ini, bila mereka datang ke sini, tangkap, letak di depot, tahan, cari bot hantar balik. Yang menanggungnya ialah kerajaan Malaysia. Kita menanggung perbelanjaan ini bukan sedikit, cukup banyak. Saya percaya sebahagian besar dari peruntukan Kementerian Dalam Negeri, khususnya Jabatan Imigresen digunakan untuk membawa balik mereka ini ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan, untuk mengatasi masalah ini, supaya kita mengadakan satu Memorandum of Understanding (MoU) dengan negara-negara berkenaan. Kalau rakyat mereka mahu datang ke sini secara halan, itu okay, tidak ada masalah. Tetapi kalau didapati rakyat negara ini datang ke sini secara haram, maka mereka mesti bertanggungjawab. Kalau kerajaan Malaysia tangkap, tinggal di sini, pastikan itu rakyat mereka, mereka mesti bertanggungjawab untuk membawa balik warganegara mereka ke negara asal. Dengan

cara ini, kerajaan Malaysia tidak akan menanggung beban kewangan yang banyak. Saya lihat sendiri, kebanyakannya, bila mereka ini ditahan di pusat-pusat tahanan di negara kita, dalam penjara - kita kena tanggung makan, seorang paling tidak RM10.00 satu hari, kemudian bila jumlahnya makin banyak barangkali meningkat ke angka jutaan ringgit kerajaan Malaysia kena tanggung.

Jadi, kepada negara-negara yang kita kenal pasti, saya percaya Kementerian Dalam Negeri mempunyai maklumat yang lengkap. Berapa pendatang asing dari Indonesia, berapa pendatang asing dari Filipina, berapa pendatang asing dari Thailand, misalnya, yang ada dalam negara kia supaya mewujudkan satu perjanjian khas dengan negara-negara ini. Bahawa adalah menjadi tanggungjawab negara berkenaan bila warganegara mereka datang ke negara ini secara haram, menjadi tugas negara berkenaan untuk mengambil alih dan menanggung semua perbelanjaan yang terlibat. Kalau tidak, kita terpaksa menanggung jumlah perbelanjaan yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, itulah - yang saya hendak tekankan ialah aspek penguatkuasaan. Berapa banyak pun undang-undang yang kita ada, kalau penguatkuasaan kita tidak cukup, tidak lengkap, maka kedudukan undang-undang tidak akan membawa apa-apa kesan. Jadi, aspek-aspek ini - tiga perkara yang saya sebutkan ini, saya mohon supaya Kementerian Dalam Negeri mengambil maklum tentang perkara ini dan mempertimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, ialah dari segi masalah-masalah sosial yang diwujudkan oleh pendatang-pendatang tanpa izin ini. Sebelum masalah-masalah sosial ini wujud, ada beberapa penempatan yang cukup menggerunkan kepada kita, misalannya di bandar raya yang besar-besar, di Kuala Lumpur sendiri, kalau kita pergi ke satu tempat, misalan, Dato' Keramat, Kampung Pandan dan sebagainya, ada suatu kawasan berkelompok yang dimonopoli oleh mereka dan mereka ini sebahagian besarnya adalah warganegara yang datang secara haram ke negara ini. Kemudian timbul pula satu kelompok di satu perkampungan, timbul 3, 4 perkampungan yang didiami oleh mereka ini secara berkumpulan. Bila kita biarkan perkara ini berterusan, mereka ini susah untuk kita selesaikan kerana bila kerajaan hendak kuatkuasakan, dia akan bertindak menentang dan sebagainya dan mewujudkan satu perkampungan baru.

Misalannya dahulu kita dengar di Selangor, bagaimana kerajaan Negeri Selangor mengambil

tindakan tegas untuk menghalang mereka ini, merobohkan rumah-rumah yang mereka dirikan. Jadi, penguatkuasaannya - kita jangan biarkan perkara ini berlaku dari awal lagi. Kalau sudah wujud satu perkampungan yang luas, perkampungan yang besar, sudah tentu masalah menjadi lebih rumit. Adalah lebih baik kalau kita kesan masalah ini daripada awal supaya mereka ini tidak menjadikan penempatan-penempatan ini satu kawasan tersendiri dan mereka tidak berasimilasi dengan penduduk tempatan sehingga mewujudkan satu masalah sosial yang terasing bagi mereka dan menjadi tugas dan tanggungjawab kita pula untuk menyelesaikannya. Sudahlah rakyat kita sendiri banyak yang masih memerlukan tanah dan rumah, tetapi tanggungjawab kerajaan pula ditumpukan kepada mereka ini yang sepatutnya tidak menjadi tugas dan tanggungjawab kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, perkara-perkara seperti ini, dalam penguasaan Akta Imigresen seperti yang dipinda ini adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian yang serius, kerana ancaman pendatang asing ini, seperti yang saya katakan tadi sudah menjadi satu masalah yang secara langsung mengancam penduduk tempatan. Kita lihat bagaimana sentimen di beberapa tempat. Rakyat tempatan bangkit memukul dan sebagainya orang luar. Sebelum daripada benda ini merebak kepada suatu bangkit marah yang lebih besar kepada penduduk tempatan ianya mesti ditangani dengan segera.

Saya mohon menyokong, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Liew Ah Kim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya masa sudah suntuk, saya hanya dapat membenarkan seorang sahaja lagi. Antara kedua ini siapa yang patut berucap? Sila. Selepas ini Timbalan Menteri akan menjawab.

5.27 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Saya jarang berucap. Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 10 tahun lalu DAP sudah menyuarakan kebimbangan, kalau tidak dibendung, banjir pendatang-pendatang tanpa dokumen perjalanan yang sah masuk ke negara ini. Banjir pendatang-pendatang tanpa dokumen perjalanan yang sah ini lebih bahaya dari banjir kilat di mana-mana tempat di tanah air kita. Kita bukan sahaja dikejutkan dengan pergaduhan

seperti berlaku di Johor Bahru baru-baru ini disebabkan mereka tidak menghormati adat resam serta budaya tempatan, tetapi ada dakwaan yang menyebut bahawa mereka berkahwin dengan gadis-gadis tempatan untuk mempercepatkan proses mendapat kerakyatan negara ini.

Malah lebih buruk lagi berlaku sedikit memalsukan kad pengenalan seperti yang berlaku di Sabah sehingga membabitkan beberapa orang Pegawai JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) dan mereka telah ditahan di bawah ISA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Ogos 1995, terdapat 46,218 pendatang yang ditahan di depot tahanan pendatang tanpa izin di Semenyih dengan 25,794 dibebaskan atau diambil bekerja di negara ini. Sementara 1,853 sahaja dihantar balik ke negara asal mereka. Apakah kerana negara ini memperolehi RM400 juta hingga RM500 juta setahun bayaran levi, maka hanya tidak sampai 2,000 sahaja dihantar balik dari jumlah 46,218 orang yang ditahan itu. Adakah ini satu contoh menunjukkan ada kecenderungan memberi galakan kepada kemasukan pendatang tanpa izin ini?

Tuan Yang di-Pertua, banjir pendatang tanpa izin ke negara ini hampir mencecah angka 2 juta dari Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas ada sebut 3 juta. Ini merupakan satu kejutan dalam masa menuju arah baru tahun 2000 dibandingkan dengan banciaan penduduk Malaysia sekarang, dianggarkan 20 juta. Ini bermakna, banjir pendatang tanpa izin ini ialah lebih 10% dari jumlah banci penduduk negara Malaysia dan menunjukkan satu jumlah besar yang menakutkan.

kerajaan ini. Dalam tahun 1969, sekumpulan warganegara telah menceroboh tanah kerajaan di Telok Gong, Selangor, mereka telah dikategorikan sebagai peneroka tanah haram dan ketuanya Hamid Tuah telah ditahan di bawah ISA. Kenapa pendatang-pendatang tanpa izin yang menceroboh tanah kerajaan ini tidak dikategorikan mendirikan rumah di atas tanah haram dan ditahan di bawah ISA? Sama seperti yang dikenakan kepada Hamid Tuah.

Tuan Yang di-Pertua, pusat tahanan pendatang tanpa izin di Semenyih mengikut banciaan bulan Ogos tahun 1995, menunjukkan penahanan rakyat Indonesia dan Bangladesh lebih besar kalau dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk Pakistan, Myanmar, India, Mesir, Bulgaria, Nepal, Sri Lanka, Thailand, Somalia, Selatan China, Filipina, Iran,

Tanzania, Ghana dan lain-lain. Rakyat Indonesia seramai 11,617 orang lelaki dan 3,149 perempuan manakala Bangladesh pula 8,671 lelaki dan 732 perempuan. Angka ini diperolehi dari pusat tahanan pendatang tanpa izin di Semenyih pada 23hb. Ogos 1995 semasa melawat Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang diketuai oleh Ketua Pembangkang Parlimen, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Malangnya, saya tidak dapat angka-angka dari pusat tahanan yang lain mengenai jumlah pendatang tanpa izin yang membanjiri negara ini. Bagaimanapun jumlah yang besar ini bukan menggambarkan mereka berlumba-lumba ke sini disebabkan pembangunan yang pesat di Malaysia tetapi mencerminkan kelonggaran undang-undang di negara ini di samping kelemahan keselamatan di pintu masuk ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah juga mengalami sindrom kebanjiran pendatang tanpa izin sehingga berlakunya pemalsuan kad pengenalan di samping terdapat laporan yang mereka juga mengundi di dalam pilihan raya. Oleh itu, siasatan mestilah dibuat terhadap mereka yang memiliki kad pengenalan palsu di Malaysia di kalangan pendatang tanpa izin ini. Dan tindakan mengusir mereka dari negara ini dipercepatkan. Sekiranya mereka dibenarkan mengundi di dalam pilihan raya dengan menggunakan kad pengenalan palsu bermakna mereka secara langsung telah mencampuri politik di negara ini. Rakyat asing yang mencampuri politik dalam negara ini mestilah dikenakan *persona non grathar*. Dan bukan sekadar mengenakan ISA kepada rakyat Malaysia yang terbabit membantu mereka mendapatkan kad pengenalan palsu.

Tuan Yang di-Pertua, isu pendatang tanpa izin dengan alasan mendapatkan tenaga kerja bukanlah isu baru. Banyak negara yang mempunyai banyak kelonggaran dalam undang-undang, menghadapi masalah pendatang tanpa izin ini sekiranya tidak dibendung. Lama-kelamaan negara ini akan berhadapan dengan masalah:

- (i) krisis sosial akibat perbezaan kebudayaan dan adat resam;
- (ii) pencemaran kesihatan apabila mereka mempunyai penyakit berjangkit yang dibawa bersama oleh pendatang tanpa izin ini;
- (iii) aliran wang keluar yang berterusan disebabkan mereka membawa balik hasil yang diperolehi di negara ini; dan

(iv) kesan negatif seperti jenayah dan sebagainya.

Dalam lawatan saya bersama Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat dari Tanjong ke pusat tahanan di Semenyih pada 23hb. Ogos 1995, pihak pusat berkenaan memberitahu di antara sebab-sebab kematian pendatang tanpa izin dalam pusat tahanan itu adalah disyaki mengidap penyakit biri-biri. Disebabkan semasa taklimat pegawai perubatan menjelaskan penyakit biri-biri ini bukan merupakan wabak Malaysia dan dibawa oleh pendatang tanpa izin dari Bangladesh. Sudah tentu ia boleh membawa pencemaran kesihatan kalau tidak dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu seorang majistret wanita di Kuantan telah dijadikan tebusan oleh penjenayah yang sedang menjalankan hukuman penjara di Penjara Kuantan. Penjenayah berkenaan adalah pendatang-pendatang dari Indonesia. Kesan negatif yang dibawa oleh penjenayah dari kalangan pendatang-pendatang ini menunjukkan mereka tidak berasa segan-silu untuk melakukan jenayah di negara ini. Kes penjenayah pendatang dari Indonesia yang pernah melarikan diri dari penjara juga, salah seorang daripadanya hingga sekarang masih tidak dapat diberkas lagi. Oleh itu, kesan negatif yang dibawa oleh pendatang-pendatang tanpa izin, menunjukkan mereka datang ke sini bukan untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja di negara ini. Adalah wajar sekatan lebih keras dibuat bagi memastikan pendatang-pendatang tanpa izin tidak diberi perlindungan dengan apa cara sekalipun dalam usaha mengatasi kekurangan tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, sindiket membawa pendatang tanpa izin ke negara ini wujud di negara ini dan di negara asal mereka. Mereka dijanjikan dengan pekerjaan di Malaysia oleh sindiket yang beroperasi di negara mereka hingga sekarang terpaksa membayar kepada agensi tersebut dengan jumlah wang yang besar. Mereka kemudian diserahkan kepada sindiket yang beroperasi di negara ini, menyebabkan mereka dibawa masuk tidak tahu-menahu mengenai dokumen perjalanan yang sah. Apabila mereka dimasukkan ke pusat tahanan, sudah tentu mereka enggan dihantar pulang.

Proses menyerahkan pendatang-pendatang berkenaan dari sindiket yang beroperasi di negara mereka dan sindiket yang beroperasi di negara ini adalah berasaskan wang. Oleh itu, wujudnya proses jual-beli ke atas tenaga kerja ini, tetapi pada hakikat sebenarnya ialah amalan hamba abdi masih wujud dalam bentuk moden.

Kerajaan sepatutnya bukan sahaja mengambil tindakan tegas ke atas sindiket berkenaan, tetapi mestilah mengadakan persefahaman dengan negara-negara terbabit supaya menghapuskan perhambaan moden yang tersembunyi di sebalik proses serah-menyerah pendatang tanpa izin oleh sindiket yang beroperasi di antara dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa menuju arah baru tahun 2000, dengan pertambahan penduduk Malaysia sekarang meningkat sehingga 20 juta orang, masalah pendatang haram mestilah diawasi lebih ketat. Kanada misalnya merupakan negara yang berhadapan dengan masalah pendatang (immigrant) sehingga berlaku usaha pemisahan yang dijalankan oleh Qubec yang mahukan kerajaan sendiri. Kawalan ketat di pintu masuk atau pindaan undang-undang sahaja tidak mencukupi kalau langkah-langkah berkesan tidak diambil bagi menyekat banjir pendatang tanpa izin ke negara ini. Indonesia, Bangladesh, Sri Langka, Filipina dan India merupakan negara yang banyak membabitkan rakyat mereka menjadi pendatang tanpa izin ke negara ini. Oleh itu, negara-negara berkenaan juga mestilah mengadakan kerjasama dengan Malaysia bukan sahaja menghalang rakyat mereka masuk ke negara ini, malah membenarkan hukuman yang berat ke atas sindiket yang menyeludup pendatang haram ke negara ini sebagai penentangan yang keras serta mengutuk amalan perhambaan dijadikan perniagaan dalam era moden ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Timbalan Menteri sila jawab.

5.44 ptg.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak kementerian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang saya tidak sangka begitu ramai berminat di atas pindaan ini terutama Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Parit Sulong, Kubang Kerian, Gelang Patah, Bagan, Pokok Sena, Tenom, Jelebu, Yan, Sipitang, Machang, Seputeh dan saya minta maaf kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana tidak dapat berucap.

Pihak saya akan cuba seberapa daya untuk memberi jawapan, juga penerangan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan, tetapi oleh kerana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah bertindih-tindih, berulang-ulang, jadi

berkemungkinan saya tidak akan menjawab satu persatu kerana perkara itu berulang-ulang. Biarlah saya jawab sekali gus, jadi jika ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh, pihak kementerian akan membuat kajian serta mengambil tindakan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah memohon agar pindaan akta ini dapat diterangkan kepada kerajaan-kerajaan negara pembekal. Perkara ini akan kita terangkan kepada pemimpin-pemimpin negara pembekal apabila berpeluang berbuat demikian dan tengah hari tadi saya telah pun menerangkan kepada Menteri Buruh Indonesia Pak Latiff yang datang mengunjungi saya. Dia pun terkejut bahawa Malaysia begitu tegas dalam perkara ini, berkemungkinan dia kata kajian akan dibuat di Indonesia untuk meniru sedikit-sebanyak daripada Malaysia terutama tentang hal sindiket atau lebih terkenal di Indonesia calok-calok yang membawa pendatang tanpa izin ke negara-negara lain.

Mengenai perkara penempatan tentera di dalam mengawal sempadan kita dari dicerobohi oleh PATI, pihak tentera dan polis sedang bekerjasama dengan terperinci bidang-bidang kuasa tersebut. Adalah sungguh baik bahawa pindaan akta ini juga diterangkan kepada semua rakyat jelata agar tidak ada daripada mereka yang teraniaya daripada pindaan akta ini, seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Bagan tadi.

Jabatan Imigresen akan melakukan semua ini dan bantuan daripada wakil-wakil rakyat sangat-sangat diperlukan bagi membantu memberi penerangan di kawasan masing-masing, kerana jika adalah pihak-pihak yang teraniaya dari tindakan, yang datang daripada kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat juga menjadi tumpuan untuk meminta bantuan agar diselesaikan. Jadi, dengan sebab itu adalah tugas wakil-wakil rakyat untuk menerangkan di kawasan masing-masing.

Mengenai perbelanjaan mengendalikan PATI ini, untuk memberikan depot Imigresen sahaja, kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM18 juta dan perbelanjaan untuk menanggung makan dan menghantar pulang sudah menjangka hampir RM30 juta. Sehingga hari ini hampir 231,000 pendatang tanpa izin telah dikendalikan oleh depot-depot Imigresen di seluruh negara.

Pada hari ini pihak kerajaan telah membenarkan rakyat daripada 7 buah negara untuk membekalkan pekerja-pekerja kepada negara ini iaitu Indonesia, Filipina, Thailand, Bangladesh, Pakistan, Myanmar

dan Kemboja. Jika diperlukan pihak kementerian akan mengutarakan kepada Kabinet negeri-negeri mana pula yang patut dipertimbangkan agar tidak wujud hanya beberapa negara sahaja memonopoli keadaan buruh negeri ini seperti yang diserukan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong itu.

Memang benar ramai penjenayah mengambil peluang untuk masuk secara haram ke negara ini dan Siputeh pun membangkitkan perkara ini, tetapi kerjasama pihak polis Malaysia dengan negara-negara pembekal terutama Indonesia adalah sangat erat dan dapat kita mengenal pasti mereka ini terutama mereka yang telah terlibat dengan jenayah di negara asal.

Dalam hal mereka yang Islam sahaja yang boleh dihantar untuk bekerja, pihak kerajaan Malaysia telah pun bersetuju hanya mereka yang Islam sahaja boleh dihantar untuk bekerja di negara ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sejak tahun yang lepas agensi-agensi tidak lagi dibenarkan untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing kecuali pembantu rumah.

Bagi sektor-sektor lain, pihak industri itu sendiri mesti memohon dan oleh kerana kemasukan pekerja asing dari luar itu telah dibekukan sejak Julai lepas, maka industri-industri ini terpaksa mengambil mereka yang telah pun ditangkap dan ditahan di depot-depot Imigresen. Ini Yang Berhormat dari Seputeh tadi bertanya mengapa tangkap 8,000 orang tetapi 2,000 orang sahaja dihantar pulang dan 6,000 orang dikekalkan? Ini kerana kita sudah bekukan, majikan masih memohon, industri hendak, ladang berkehendakkan buruh, industri pembinaan berkehendakkan buruh. Jadi, bila kita tangkap, kita tapis mana yang tua, mana yang sakit, mana yang buta huruf, mana yang di bawah umur kita hantar pulang; mana yang boleh bekerja, hendak bekerja kita minta kilang pilih - ambillah. Itulah sebabnya setengahnya dihantar pulang dan setengahnya diberi kerja.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, sebenarnya saya punya tidak bertindih-tindih ini. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat, jelaskan sejak kementerian mengadakan kempen mengesah atau legalization atau regularization untuk PATI ini pada 15hb. Ogos tahun ini, berapa ramai majikan yang tampil kehadapan untuk pergi ke depot-depot ini? Pertama.

Kedua, untuk pergi ke Jabatan Imigresen untuk mengesahkan para pekerja mereka dan mengapa mereka tidak ramai sanggup mengesahkan pekerja-pekerja mereka? Adakah ini kerana kaunter yang sangat kurang atau kekurangan kakitangan di dalam Jabatan Imigresen? Saya ada banyak soalan.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih. Saya pun tidak faham mengapa tidak cukup kakitangan yang dijadikan sebab pemutihan ini tidak dijalankan dengan baik. Kita tidak perlu pekerja untuk pergi ke Jabatan Imigresen, kalau seorang tuan ladang dia mempunyai 300 pekerja tanpa izin, dia seorang sahaja pergi ke Jabatan Imigresen minta borang bawa balik pejabat, isi, pulang balik kepada Imigresen, kita proses. Bukan memerlukan 300 orang pergi ke Jabatan Imigresen.

Jadi, saya tidak nampak bagaimana Jabatan Imigresen boleh jadi begitu tenat. Begitu juga di KLIA misalannya ada 20,000 pekerja takkan 20,000 pekerja hendak pergi ke Jabatan Imigresen Shah Alam hendak daftar. Dia mempunyai main-contractor, subkontraktor orang inilah yang harus pergi ke Jabatan Imigresen. Punya baik Jabatan Imigresen, kita hantar pegawai 6 orang di KLIA just to daftar, saya rasa tidak timbullah tidak cukup kakitangan.

Jadi, ini masalahnya - proses itu akan kita jalankan tetapi hendak isi borang takkan jadi masalah.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Nanti, Yang Berhormat, saya belum habis, hendak kata tidak ada sambutan, macam mana tidak ada sambutan? Borang berapa kali cetak habis. Ke mana borang itu? Jadi, saya pun hairan bila katakan tidak ada sambutan dan sebagainya. Kalau borang yang kita cetak habis diambil. Jadi, kita hendak tunggulah mungkin dia hendak tunggu sampai 31hb. Disember, dia hendak hantar. Jadi, kita tunggulah, jadi bila tanya bilangan itu sukar saya kerana belum tamat lagi. Ada lagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang banyak soalan.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Saya kesian dia ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada banyak soalan, adakah kemungkinan kerana setiap pembantu rumah dikenakan bayaran pendaftaran RM1,500 dan setiap pekerja kilang dikenakan bayaran pendaftaran RM2,400? Mungkin ini merupakan salah satu punca di mana pihak majikan tidak begitu seronok untuk pergi ambil borang.

Pengambilan borang bukan semesti mereka akan daftar, itu bukan semestinya. Mungkin pengambilan lebih banyak borang menunjukkan mereka tidak begitu berminat.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: [Ketawa] Macamana Yang Berhormat, kata ambil borang sampai kena belanja RM1,200 - borang free. Hendak daftar besok dia ada kategori-kategori tertentu yang ditetapkan oleh Kabinet. Kalau pembantu rumah sekian, kalau sekiranya pekerja kilang sekian, ladang sekian - kalau semua hendak free, semua orang hendak free.

Jadi, bila semua rakyat hendakkan khidmat free, tidak bayar apa-apa kepada kerajaan maka wujudlah masalah yang kita hadapi sekarang ini. Semua pihak mesti bertanggungjawab. Akta ini tidak bermakna kalau rakyat tidak memberi sokongan. Kalau majikan tidak memberi sokongan, kalau masih ada orang hendak eksploitasi buruh asing, tidak ada makna. Semua harus bertanggungjawab termasuk wakil rakyat sendiri harus menyedarkan bahawa perkara ini penting. Itu sebab kita tegas ya, daripada

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawa semua pihak kena bertanggungjawab, tetapi kalau majikan bertanggungjawab macam mana kalau pekerja ini lari. Lari dan selepas lari ditahan oleh pihak polis atau Imigresen diletak dalam depot Imigresen, selepas itu tidak dipulangkan kepada majikan yang telah membayar semua levi yang dia kena bayar. Tetapi tidak dipulangkan kepada majikan, diberikan kepada majikan yang lain. Adakah ini satu tindakan yang bertanggungjawab? Tidak adil kepada majikan, ini yang pertama.

Yang kedua, kalau majikan ini mengalami masalah pekerja yang dia ambil daripada depot. Saya rasa Yang Berhormat maklum kalau orang yang sudah masuk dari depot bukan semuanya baik-baik belaka kerana mereka sudah ada banyak pengalaman dalam negara kita, tahu selok belok. Macam mana lari atau macam mana mengatasi undang-undang yang sedia ada.

Kalau selepas mereka mengambil pekerja itu dengan levi yang begitu tinggi, mereka tahu pekerja itu akan lari, hubungi Imigresen minta supaya diganti dengan pekerja lain, angkat pekerja itu balik, Imigresen cakap "Itu bukan pasal kita, itu PPA punya hal". Kalau macam ini, passing the buck, bola tendang sana tendang sini, siapa yang tidak bertanggungjawab di sini? Terima kasih.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Yang Berhormat, ini Yang Berhormat pun dah tulis pada saya, saya akan lihat perkara ini. Kita akan mengemaskinikan selepas ini tentang buruh asing. Satu agensi yang benar-benar kita fikir boleh menjalankan tugas ini akan diwujudkan pada tahun 1997, saya tidak mahu sebutlah sekarang ini.

Yang kita pasti bahawa ia akan berjalan dengan baik. Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu saya akan kaji semula kalau betul bahawa buruh itu telah lari dari majikan dan telah ditangkap oleh pihak berkuasa, tiba-tiba dia hantar ke majikan lain tidak dihantar ke majikan yang sebenar memohon. Saya akan mengambil tindakan di atas perkara tersebut, Yang Berhormat, terima kasih.

Skim pemutihan baik pekerja asing yang haram sehingga 31hb. 1996

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Lagi satu tentang pengambilan pekerja.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Aah! saya lupa Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kalau kita benarkan semua majikan memohon pekerja asing dan kita benarkan pekerja asing datang mengikut kehendak industri sambil itu kita tidak menahan kemasukan pendatang asing tanpa izin, maka banjir orang asing dalam negara ini ada dua, satu secara halal dan satu cara haram. Kalau 3 juta seperti mana Machang kata, tak berapa lama jadi 6 juta.

Jadi, untuk menyelesaikan Yang Berhormat, untuk menyelesaikan perkara ini kita bekukan dahulu kemasukan secara halal, kita perkuatkan NYAH II kita, kita geledah semua yang haram masuk ke sini. Kita tangkap, yang patut dihantar pulang, kita hantar pulang, kalau majikan mahu, ambil yang hendak bekerja ini. Soal untuk hendak elok tak elok ini tidak timbul takkan pam minyak pun mesti graduate. Pam minyak pun mesti orang terlatih.

Jadi, saya fikir soal tak elok dengan elok ini tidak timbul, saya ingat timbul pasal masalah ini. Kalau bawa daripada luar, maka untungnya besar ambil daripada kem tidak ada untung, itu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Ya

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, saya rasa saya tahu 'makna' Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi apa yang saya sebutkan tadi ialah kalau kita ikut kaedah yang ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu kita tubuhkan satu PPA untuk menguruskan semua pengambilan pekerja yang sudah ditahan di depot. Saya bukan sebutkan tentang mengambil masuk pekerja asing daripada luar negeri untuk mereka yang sudah ditahan dalam depot. Di sini saya ingin menyatakan satu perkara bahawa nampaknya timbul masalah di antara PPA dan Jabatan Imigresen kerana mungkin Jabatan Imigresen tidak berapa senang hatilah dan ini menyusahkan sangat pihak majikan, ini yang pertama.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, soal masalah ini saya sudah cakap tadi, kita akan selesaikan pada tahun 1997. Okay.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, tapi untuk satu perkara.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tahu, faham tentang perbalahan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Selain daripada itu tentang satu perkara lagi ialah untuk masalah yang dihadapi oleh majikan. Saya cakap kerana saya ada banyak kes dan satu telah saya rujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah mereka, kesulitan mereka memohon pekerja asing dan apabila mereka memohon, mereka kena membayar levi berdasarkan ia adalah seorang pekerja yang terlatih, yang mahir.

Ini adalah satu levi yang sangat tinggi. Selepas pekerja ini diambil, apabila pekerja itu hilang, saya telah dimaklumkan bahawa ia boleh diganti dengan pekerja yang sedia ada dalam depot, tetapi apabila mereka memohon dan pekerja itu sudah hilang, mereka rasa pekerja itu tidak sesuai dan mereka mohon untuk diganti tetapi ia tidak diganti. Kalau tidak diganti, ini bermakna majikan rugi dari segi levi yang dia telah bayar.

Kalau dia ambil 100 orang pekerja dari depot, 50 orang tidak sesuai. Apabila dia minta ganti, tidak dapat ganti. Ini bermakna 50 orang, kalau kita kira

RM2,000 seorang pekerja asing, dia rugi RM100,000 dan siapa yang akan menanggung kos ini?

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bila kita ambil buruh, dia bekerja sebagai buruhlah! Janganlah kita katakan kita bayar levi untuk buruh, kita suruh dia buat kerja yang skill. Kalau skills workers, dia tak payah bayar levi. Skills workers, kalau gajinya RM1,200 ke atas, dia bayar income tax. That is under skilled workers scheme, dengan izin. Dia bukan buruh. Jadi, ini yang masalah kilang-kilang apabila mengambil buruh hendak suruh dia buat kerja-kerja yang bukan kerja buruh. Memang tidak sesuaihlah!

Kalau kita hendak ambil pekerja di ladang untuk kait kelapa sawit, takkan timbul masalah tidak boleh kait. Kalau tangannya tidak ada, lainlah, tidak boleh kait! Jadi, saya tak faham juga ini, sesuai atau tak sesuai ini. Kalau buruh, that means buruhlah. Kalau skills workers scheme, dia tak payah bayar levi, dia bayar income tax! Jadi, kena fahamlah dalam hal ini.

Jadi, nanti kita bincanglah kalau misalnya masalah timbul. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, tak usahlah timbulkan masalah-masalah yang kecil-kecil yang bukan untuk kepentingan orang ramai dengan sebuah dua syarikat. Kita akan bincangkan perkara ini.

Saya sungguh setuju dengan ulasan yang dibuat oleh wakil dari Kubang Kerian ke atas saranan beliau tentang hal pembangunan tidak seimbang dan sebagainya. Ramai yang merasakan demikian. Tetapi apa boleh buat, nampaknya ekonomi mengatasi segala-galanya. Kita akan cuba belajar dari Korea Selatan dan Jepun macam mana. Tetapi perlu saya nyatakan bahawa Korea Selatan dapat mengeksport pekerja-pekerjanya dengan menghantar banduan-banduan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, Yang Berhormat dari Kepong.

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Jadi, kita belum lagi sampai masa hendak menghantar banduan kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa tidak cukup. Siapa minta penjelasan, sekali cukuplah. Sekali cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, ini secara umumhlah, bukan spesifik. Tuan Yang di-Pertua,

penjelasan. Sebenarnya saya sudah catatkan lama hal ini. Cuma sekarang ada peluang untuk berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya telah diberitahu bahawa masalah pendatang haram di negara ini ada kena-mengena dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kenyataan seumpama ini adil? Saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan apakah yang telah beliau lakukan untuk menangani masalah pekerja-pekerja asing ini? Ini saya sudah catatkan lama kerana orang itu mendakwa bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah yang membuat salah kerana sekian banyak aktiviti yang tidak patut dan sebagainya. Mungkin termasuk polis sendiri. Saya beri dia peluang untuk menjawab semua sama ada adil ataupun tidak kesangsian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya suka mengingatkan, siapa yang minta penjelasan, sekali cukuplah.

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Masa sudah cukup?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekali cukup. Seorang sekali, cukup. Yang minta penjelasan itu, seorang sekali, cukup.

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Kalau kita mengkaji sejarah pekerja asing ini, pada mulanya tidak ada apa-apa skim. Siapa hendak bawa, bawa. Banjirlah pekerja-pekerja asing ini, tidak timbul levi dan sebagainya. Selepas itu, pihak kementerian berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia apa yang patut dilakukan. Barulah timbul agensi buruh yang berdaftar di Kementerian Sumber Manusia hanya mengendalikan buruh dalam negeri, tetapi jikalau agensi itu tidak hendak melibatkan diri membawa buruh dari luar negeri mesti berdaftar di Jabatan Imigresen.

Pada masa itu tidak timbul levi. Free for all! Siapa sahaja berdaftar, timbullah sampai 200 agensi. Tidak ada jawatankuasa khas di kementerian hendak menentukan. Tetapi apabila kita lihat keadaan pendatang sudah terlalu mendesak dan negara-negara seperti Bangladesh dan juga Indonesia memohon kepada kita untuk menampung ramainya penduduk mereka yang tidak bekerja, maka itulah kita mengadakan Jawatankuasa Kabinet mengenai buruh asing yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang ahli-ahlinya terdiri daripada hampir setengah dari menteri-menteri.

Maka, timbullah masalah pembekuan, masalah pemutihan dan sebagainya, semuanya dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kabinet tentang buruh asing. Jadi, tentang timbulnya saya membawa pendatang asing, ini tidak timbullah. Ada yang kata anak beranak saya mempunyai syarikat. Anak-anak saya tidak timbul. Anak saya dua orang sahaja. Seorang involve di dalam politik dan seorang di dalam business korporat. Seorang korporat - takkan seorang yang mendapat Master Degree hendak bawa pendatang tanpa izin.

Tetapi ramai orang kata, "Hendak buruh asing jumpalah anak Dato' Megat". Jadi saya tanya anak-anak saya, tidak timbul. Sahabat handai, jangan kiralah, saya layan semua. Saya tahu wakil-wakil rakyat di sini pun ada, saya tak mahu sebutlah! Ada yang jadi ejen, saya layan! Itu sahaja. Fasal bantu orang ini, kita bantu sahajalah. Jadi, hendak kata timbul saya terlibat ini, oleh sebab saya yang bertugas di Kementerian Dalam Negeri, terpaksa menjalankan tugas. Kadang-kadang Chairman of the company, dia buat dasar sahaja, tetapi President of the company terpaksa implement. Jadi, President yang kena maki selalu, bukan?

Jadi, dalam negara ini, memang banyak peluang untuk bekerja. Ini sambung persoalan Yang Berhormat dari Kepong. Pekerja-pekerja sangat kekurangan dalam semua sektor. Tidak ada masalah untuk negara kita menampung pekerja-pekerja asing, tetapi pindaan ini dibuat semata-mata untuk menentukan bahawa pekerja asing negara ini adalah semuanya halal. Itu yang penting.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat dari Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan soalan Yang Berhormat dari Kepong ini, dia mengigau. Sebab kita dengar permasalahan hendak masuk ke negara kita ini, memang masalah success atau kejayaan negara kita dengan ekonominya yang tinggi dan baik, mereka datang ke mari. Kita dengar yang menunggu di Selatan Thai, 60,000 atau 70,000 orang. Takkanlah mereka tunggu 60,000 orang kerana masalah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Megat.

Saya nampak bahawa soalan Yang Berhormat dari Kepong tadi, tidak ada modal lainkah? Mungkin dia kena penyakit Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tak tahulah, dia terkepong ya. Saya minta penjelasan sedikit, masalah orang datang ke negara kita ini oleh kerana kejayaan ekonomi negara kita. Seperti yang kita dengar ini, yang menunggu hendak masuk ini, saya minta pandanganlah. Saya ingat kita tolaklah sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak perlu jawab soalan Yang Berhormat dari Kepong yang mengarut ini!

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasihlah Yang Berhormat dari Rompin. Tetapi saya berterima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Kepong. Saya memang dengar ini. Dengan menuduh saya, menuduh Dato' Lim Ah Lek, adik-beradik Dato' Lim Ah Lek pun terlibat, tuduh semua. Tetapi yang sebenarnya kami tidak ada terlibat langsung! Saya ingat gaji yang ada pun cukuplah hendak makan. Tak payahlah tunggu komisen dari pendaang tanpa izin.

Pada masa ini terdapat lebih kurang 800,000 pekerja asing yang halal, tetapi hampir 1 juta merupakan pekerja asing yang haram. Yang haram inilah yang mewujudkan masalah sosial yang besar dan mengancam keselamatan negara kita. Pindaan ini dibuat semata-mata untuk membendung pendaang asing yang haram ini dan mereka yang mengambil kesempatan dari pekerja-pekerja asing haram ini untuk mengaut keuntungan yang besar seperti melindungi mereka, memalsukan dokumen rasmi negara dan menyalahgunakan mereka kepada sektor-sektor yang memudaratkan keadaan sosial rakyat ini.

Sektor yang sangat berkurangan kakitangan pada hari ini ialah sektor pengawal keselamatan swasta. Oleh kerana ekonomi negara berkembang dengan pesat, kilang-kilang bertambah setiap hari, bank-bank bertambah, pusat-pusat pelancongan dan pusat-pusat membeli-belah bertambah, maka keperluan pengawal keselamatan sangat-sangat diperlukan kerana bilangan anggota polis kita tidak mencukupi untuk menampung keperluan perkembangan ekonomi ini.

Pada hari ini ada lebih kurang 200 syarikat kawalan keselamatan swasta.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ada terbaca dalam sebuah akhbar, lebih kurang sebulan setengah yang lalu, bahawasanya ada cadangan untuk mengambil orang-orang Gurkha ini untuk menjadi 'guard'.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya hendak masuk perkara inilah. [Ketawa] Mereka menghadapi tekanan yang maha hebat dalam mendapatkan pengawal keselamatan yang bertanggungjawab, maka terdapatlah pengawal keselamatan yang terlalu tua. Kalau kita naik kereta sampai sahaja gerbang tol, maka kita nampaklah pengawal duduk sahaja, umur sudah mencapai 60 tahun, 70 tahun. Sudah terlalu tua, orang-orang asing yang tiada pengalaman dan juga mereka yang belum cukup umur.

Disiplin pengawal keselamatan ini sangat rendah dan dengan itu mereka tidak dapat berfungsi sebagai pengawal keselamatan yang bertanggungjawab. Atas desakan daripada Persatuan Kawalan Keselamatan, mereka memohon kepada pihak kerajaan agar tentera Gurkha yang tamat perkhidmatan di Hong Kong dapat diserapkan ke dalam syarikat-syarikat kawalan keselamatan ini.

Pihak kerajaan akan berhati-hati dalam membenarkan kemasukan Gurkha ini, ianya akan dipertimbangkan kepada syarikat-syarikat yang 'established', dengan izin, iaitu yang maju, yang telah kukuh dan mempunyai rekod yang baik dan bilangannya juga akan kita tentukan agar ianya tidak menjadi majoriti dalam sesebuah syarikat kawalan keselamatan.

Kita ketahui dari segi sejarah bahawa orang Gurkha ini mempunyai disiplin yang tinggi dan mempunyai kesetiaan dan tanggungjawab yang baik terutama kepada majikan. Jadi, kita akan pertimbangkan, belum lagi ini, untuk kepentingan kawalan keselamatan.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang kewibawaan Jabatan Imigresen pada masa yang lepas dan juga pada masa yang kini dan saya berharap selepas pindaan ini diluluskan, pihak Imigresen akan menjadikan kewajipan mereka dengan baik dan bertanggungjawab agar imej Jabatan Imigresen dapat dipulihkan semula di mata rakyat.

Apa yang pohonkan agar wakil-wakil rakyat dapat membantu untuk melihat dan melaporkan jika ada penyelewengan dan salah guna kuasa berlaku dalam Jabatan Imigresen.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga telah meminta supaya masalah kebajikan, naik pangkat kakitangan Jabatan Imigresen mestilah dipertingkatkan, ini juga akan diberi tekanan terutama apabila tanggungjawab telah pun bertambah dan Ketua Pengarah Imigresen pun memang ada di dalam Dewan ini, tentu telah mendengar apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah pula minta kalau boleh dipercepatkan sedikit kelulusan untuk mendaftar pekerja-pekerja asing ini. Kita terpaksa berhati-hati kerana semua yang berdaftar kita kena luluskan, kita kena tengok yang sudah tua, buta huruf, sakit terpaksa kita kaji sebelum kita luluskan. Kalau semuanya beres kita akan luluskan secepat yang mungkin, terutama dari segi kesihatan, seperti mana wakil dari Seputeh kata, 'beri-beri', penyakit ini berlaku di negara ini hanya 60 tahun yang lalu, jadi, maknanya doktor yang ada di negara ini umur 80 tahun sahaja yang tahu apa dia 'beri-beri' ini. Doktor yang ada sekarang tak tahu, kerana tak boleh dikesan dengan darah. Blood testing tak boleh tahu 'beri-beri'.

Jadi, ini adalah satu penyakit yang merbahaya, pagi tadi saya telah berjumpa dengan Jawatankuasa Lembaga Pelawat Depot Imigresen yang telah memberitahu saya 20% daripada kematian yang berlaku di kalangan pendatang tanpa izin depot-depot disyaki membawa kuman HIV positif - 20%. Itu yang telah mati! Yang hidup ini tak tahulah, lagi ramai mungkin. Ha! Ini masalah yang timbul, itu sebabnya kesihatan pekerja asing ini sangat kita tekankan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan pula minta supaya janganlah ditangkap 'main-contractor'. Kita kena tentukan bahawa kalau 'main contractor' boleh meyakinkan kita bahawa pekerja itu adalah pekerja subkontraktor, maka subkontraktor akan dipertanggungjawab dan akan didakwa. Tentang bagaimana tangkapan operasi yang kita buat, kita ada dua operasi, satu Operasi Nyah I. Nyah I ialah menahan orang masuk ke dalam negara, di tepi pantai di sempadan. Nyah II ialah operasi menggeledah mereka yang telah termasuk iaitu bolos daripada Nyah I, Nyah II will take over, dengan izin. Itu yang kadang-kadang saya sekali-kali campur dengan Nyah II, pergi night club tengok

semuanya macam mana perempuan daripada China yang berumur 16 tahun pun ada. [Ketawa] Saya pun hairan jugalah. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya sudah peringatkan, cukup sekali, Yang Berhormat minta sudah empat kali. Tidak ada masa! Minta duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Jangan, tolonglah! Saya sudah beri you terlalu banyak sangat ini!

Dr. Tan Seng Giaw: [Menyampuk]

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Bagaimana caranya sindiket bawa, baru-baru ini kita tahan dua buah lori di Rawang yang dibawa daripada Pasir Mas, Kelantan. Bukan daripada Kubang Kerian, daripada Pasir Mas. Dia bariskan, baring macam sardin, lepas itu letak platform, letak sayur, lepas itu letak lagi satu platform, baring - satu lori 100 orang. Saya ingat letak anjing dengan babi pun mati! [Ketawa] Itu keadaan sindiket bawa! Jadi, kita boleh bayangkanlah. Itu Bagan!

Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi, saya banyak hendak betulkan fasal Pokok Sena ini, anak-anak Bangladesh yang isterinya rakyat Malaysia, automatik anak-anaknya rakyat Malaysia. Jadi, tak timbul dia kena balik ke Bangladesh. Suami kena balik, tetapi anak-anaknya 'is Malaysian'. Kerana dalam Perlembagaan kita salah satu daripada ibu bapa rakyat dan dilahirkan di sini, maka menjadi rakyat Malaysia.

Tentang anak-anak kita atau orang Malaysia suami isteri pergi ke Amerika

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan bangun.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengenai anak rakyat asing, ayah rakyat asing, ibu rakyat Malaysia. Jadi, ayahnya kita hantar balik, ibu dan anak tinggal di sini. Kalau satu anak mungkin tak jadi masalah, kalau lima atau sepuluh anak kali katalah 250,000, bagaimana dan siapa yang bertanggungjawab [Ketawa] ibu ataupun negara?

Seorang Ahli: Tuaran kahwinlah! *[Ketawa]*

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Saya sudah jawab, tetapi semuanya rakyat Malaysia. Salah seorang daripada ibu atau bapa rakyat Malaysia, automatik anaknya rakyat Malaysia. Kalau di Singapura, lebih dahsyat, automatik dia claim, rakyat Singapura. Di Amerika, kalau emak bapa itu rakyat Malaysia, beranak di Amerika, automatik dia jadi American citizen, itu sebabnya wakil dari Pokok Sena kata 'tak boleh dapat visa'. Buat apa visa, dia automatik dah. Dia tak payah visa dah, because he is an American citizen the American claim, itu adalah rakyatnya. Jadi, setiap negeri ada mempunyai perbezaan antara satu sama lain.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya sudah membuat keputusan Yang Berhormat.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Allah!

Seorang Ahli: Duduklah!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu soalan yang sangat penting! Soalannya pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita tidak memastikan kemasukan pekerja asing ini lelaki dengan perempuan kena samalah beri dia masuk? Sebab setakat ini terutamanya Bangladesh, negara asalnya tidak membenarkan perempuan masuk ke negara ini, maka timbul masalah. *[Ketawa]* Jadi, mengapa kita tidak buat satu perjanjian dengan Bangladesh dan negara-negara itu supaya?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Masalah 'akua'!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana pula? Kita tidak ada masa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kepong 'akua'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu soalan yang sangat penting!

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Indonesia dia boleh bawa keris dengan sarungnya. Tetapi Bangladesh, dia tidak beri bawa sarung, dia cuma bawa keris sahaja. Jadi, itulah masalahnya. Jadi, kerajaan Bangladesh memang tidak boleh membenarkan kaum wanitanya datang. Kaum wanita di Bangladesh pula semuanya bertutup, hendak tengok muka pun susah, datang sini semua nampak, jadi, itu sebabnya terpijat banyak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Yang lain-lain yang telah bercakap, yakni dari Tenom, Jelebu, Yan, terutamanya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Masalah keris - jadi, kalau datang tidak membawa sarung, keris itu hendak dicucuk di mana? Ini masalahnya Tuan Yang di-Pertua. Dia dok tikam orang, ini yang banyak kes keris dok tikam orang merata, fasal keris tidak ada tempat hendak simpan! Jadi, macam mana Timbalan Menteri. Kita cari satu formula untuk menyelesaikan masalah ini. *[Ketawa]*

Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Saya ingat Yang Berhormat, sarung kita punya dan kita simpan elok-eloklah. Ini sarung dok tayang sana sini, keris datanglah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikatakan oleh wakil Sipitang ini saya ingat saya ambil perhatian, terutama masalah Sabah, Brunei dan kita akan mengambil perhatian tentang hal ini dan pihak Wakil dari Machang juga telah meminta supaya kita menggunakan kutipan levi untuk dipergunakan sebagai penguatkuasaan. Kalau boleh, cukup seronok Jabatan Imigresen, tetapi masalahnya semua kutipan ini pergi ke Perbendaharaan. Kalau RM650 juta ini boleh kita gunakan, memang dapat kita laksanakan penguatkuasaan dan sebagainya, bagaimanapun kita cubalah convince Perbendaharaan untuk perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mencukupi, semua yang telah diperkatakan oleh wakil-wakil dan saya akan bawa ke Kementerian dengan pegawai-pegawai saya akan kaji satu persatu. Apa yang baik, kita cuba laksanakan dan apa yang tidak baik, kita ketepikan, namun kita akan ambil perhatian yang serius dan saya lagi sekali

mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bersusah payah melibatkan diri dalam pindaan Akta Imigresen 1956 ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27hb. Julai, 1996 yang lalu, Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes Arulpragasam a/l Sundaraju dan Pendakwaraya telah memutuskan dengan majoriti 4-3 bahawa standard pembuktian yang diperlukan pada penutup kes pendakwaan bagi mewajarkan mahkamah memanggil orang tertuduh untuk membela dirinya ialah pembuktian kes "melempi keraguan yang munasabah," atau dengan izin, "beyond resonable doubt." Itulah tafsiran Mahkamah Persekutuan bagi peruntukan dalam Seksyen 180, Kanun Prosedur Jenayah bagi perbicaraan di Mahkamah Tinggi yang mengatakan bahawa, dengan izin, "The Court, if it

finds that no case against the accused have been made out which if unrebutted, would warrant his conviction shall record an order of acquittal". Ungkapan yang sama terdapat dalam perenggan (f), Seksyen 173 Kanun itu, bagi perbicaraan di Mahkamah Rendah.

Kes Arulpragasam ini telah mengubah standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan seperti mana yang diputuskan dalam kes-kes di Malaysia berikutan dengan keputusan Privy Council dalam kes Haw Tua Tau pada 22hb. Jun, 1981. Dalam kes itu Privy Council membincangkan Seksyen 188 (1), Kanun Prosedur Jenayah Singapura yang sama peruntukannya dengan Seksyen 180, Kanun Prosedur Jenayah Malaysia. Privy Council memutuskan bahawa, dengan izin, "at the conclusion of the prosecution's case, what has to be decided remains a question of law only. As decider of law, the judge must consider whether there is some evidence (not in herently incredible) which, if you were to accept it as accurate, would establish each essential element in the alleged offence. If such evidence is lacking, then and only then if he is justified in finding "that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction," within the meaning of Section 188(1). Where he has not so found, he must call upon the accused to enter for his defence and if as decider of fact must keep an open mind as to the accuracy or any of the prosecution witnesses until the prosecution has tendered such evidence, if any, by the accused or other witness as it may want to call consel on both sides have addressed to the judge such argument and comments on the evidence as they may wish to advance".

Antara kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dan Mahkamah Persekutuan di Malaysia yang mengikuti keputusan dalam kes Haw Tua Tau ini ialah kes Rangunathan v. Pendakwaraya sebagaimana yang dilaporkan dalam tahun 1982 (1MLJ - 139), kes Munusamy v. Public Prosecutor yang diputuskan dalam tahun 1987 dan kes Junaidi bin Abdullah vs Public Prosecutor yang diputuskan dalam tahun 1983. Walau bagaimanapun pada 24hb. Disember, 1993 hendak habiskan? Panjang ceritanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ingat sambung besok Yang Berhormat. Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.